

"ADAKAH kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga padahal belum datang kepada kamu (ujian) seperti yang dialami oleh orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kesengsaraan dan kemudaratan serta digoncangkan (dengan ancaman musuh dan berbagai-bagai cubaan) sehingga Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya berkata : "Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?" Ketahuilah, sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah)".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Baqarah, ayat 214.

BERANGKAT MENYAKSIKAN LIGA SUPER MALAYSIA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

BERAKAS, Sabtu, 9 Mei. - DPMM FC terpaksa akur setelah tewas 0 - 1 kepada Sabah FC dalam saingan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, malam tadi.

>> Muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut. Berangkat sama, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota.



Berita Utama



PENGIKTIRAFAN atas usaha, pengorbanan pelajar dalam capai kecemerlangan akademik

Muka 7



PGGMB komited tingkatkan kualiti pusat penjagaan kanak-kanak

Muka 9



SENTIASA pantau hal ehwal kebajikan pekerja

Muka 19



KEBAHAGIAAN hidup berkeluarga berlandaskan nilai murni

Muka 21

Menyantuni RS mengadaptasi diri dalam kehidupan bermasyarakat

Siaran Akhbar : Persatuan Aftercare Support Association

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Dalam usaha membantu Rakan Seliian (RS) secara berterusan bagi meningkatkan perkembangan diri, menambah kemahiran dalam bidang ekonomi serta membina keyakinan diri yang lebih positif dalam kalangan komuniti, pihak Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) baru-baru ini menjalinkan kerjasama dan kolaborasi dalam bidang masakan serta budaya masyarakat Republik Turkiye.

Seramai 12 peserta menghadiri program berkenaan yang terdiri daripada RS, Rakan Harmoni (RH) dan peserta Skim Pembebasan Sementara (SPS).

Program masakan Republik Turkiye berkenaan dikendalikan oleh Yunus Emre Institut Republik Turkiye.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy bersama isteri, Puan Lale Ersoy.

Turut hadir, Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya; para Penasihat AFSA, Pemangku Pengarah Penjara serta Ahli Jawatankuasa Tadbir AFSA.

>> Muka 5

Bersihkan hati, dekatkan diri kepada Allah

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mei. - Muhasabah menjelang Zulhijah : daripada takwa menuju *taqarrub* bermula dengan menjaga hati dan sempadan Allah.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman, "Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepada-Nya". (Al-Quran, Surah Al-Ma'idah : 35)

Takwa lahir apabila seseorang berusaha menjauhi maksiat, mengawal pandangan, menjaga lidah, menahan marah dan

melawan nafsu. Apabila hati semakin peka terhadap dosa dan semakin takut kepada Allah, di situlah bermulanya langkah menuju *taqarrub* (mendekatkan diri kepada-Nya).

Menjelang Zulhijah, inilah waktu terbaik untuk memperbaharui hati. Bukan sekadar menunggu ibadah korban tetapi mengorbankan sifat-sifat buruk seperti ego, hasad, riyak, dendam dan cinta dunia yang berlebihan.

>> Muka 4

Rukyah anak bulan Zulhijah, 17 Mei ini

Siaran Akhbar : Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Penglihatan anak bulan Zulhijah 1447 Hijrah akan dilakukan di seluruh negara pada petang Ahad, 29 Zulkaedah 1447 Hijrah bersamaan 17 Mei 2026 Masihi.

Hakim-hakim Syarie dan Pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan Zulhijah 1447H), iaitu di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku dan Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara serta

Bukit Agok, Jerudong bagi Daerah Brunei dan Muara.

Manakala di Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong dan Bangunan Hilal Bukit Lumut bagi Daerah Belait.

Berikutan itu, pengumuman 1 Zulhijah (awal bulan Zulhijah bagi Tahun 1447H/2026M), seterusnya penentuan Hari Raya Aidiladha (Hari Raya Korban) akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik-baik sahaja rukyah pada petang, 29 Zulkaedah 1447H bersamaan 17 Mei 2026M berkenaan diperoleh melalui pemakluman yang dilakukan melalui siaran RTB.

Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat berkenaan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman berucap pada Majlis Penandatanganan dan Doa Kesyukuran Projek Mushaf Brunei Darussalam pada Rabu 15 April 2026 yang berlangsung di Dewan Sutra Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

**Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Anbiae Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'ala Aalihi
Wasahbihee Ajama'een.
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh**

ALHAMDULILLAH dan syukur, kita sempat bersama dalam majlis pagi hari ini iaitu Majlis Penandatanganan

Memartabatkan syiar Islam penyempurnaan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya

dan Doa Kesyukuran Projek Mushaf Darussalam dan Tafsirannya yang telah selesai penyusunannya untuk diterbitkan selengkapnya dalam masa yang terdekat, insyaaAllah.

Projek Penerbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya adalah lanjutan dari suatu perancangan supaya negara mempunyai mushaf terbitannya. Setelah berjaya menerbitkannya dalam dua edisi iaitu edisi tahun 1991 yang bersaiz besar dan edisi tahun 2006 dalam ukuran atau saiz kecil.

Maka dalam kesempatan ini sukacita meristakan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien telah menitahkan melalui warkah baginda bertarikh 3 Rabiulawal 1407H / 6 November 1986 (sudah lebih 30 tahun) supaya Brunei mempunyai mushaf Al-Quran bertulis tangan untuk dicetak dan diterbitkan.

Pada menjunjung hasrat yang dititahkan pada tahun 1986 itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pada era itu telah menubuhkan jawatankuasa atau panitia pelaksana dan seterusnya memutuskan bahawa penerbitan dan pengagihan mushaf itu nanti akan menjadi kenangan abadi dan mengharumkan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah yang ditaufikkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk melanjutkan usaha menyebarkan agama Islam di Negara Brunei Darussalam sebagai

kesinambungan daripada amal dan usaha ayahanda baginda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, menjadi kegunaan murid dan penuntut sekolah agama dan umat Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam dan akan dijadikan hadiah - kurnia rasmi dari Negara Brunei Darussalam kepada tetamu-tetamu beragama Islam dari luar negeri.

Seterusnya pada 16 Jamadilawal 1407H / 17 Januari 1987M Jawatankuasa Pelaksana telah menyebarkan sokongannya untuk mendatangkan *al-khattat* iaitu seorang penulis khat kaligrafi yang berkemahiran dan seorang lagi yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang ilmu qiraat dari Republik Arab Mesir. Mereka dicadangkan untuk membantu-nasihat dalam melaksanakan projek hasrat diraja ini. Lima hari selepas rekomendasi itu disembahkan maka pada 2 Januari 1987 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankannya dan difahamkan juga memperkenankan supaya mushaf yang diusahakan itu dinamakan Mushaf Brunei Darussalam.

Sesungguhnya projek Brunei untuk mempunyai mushaf Al-Qurannya itu telah mendapat perhatian daripada Universiti Al-Azhar, Mesir khususnya daripada Majma' al Buhuth al-Islamiah (Al-Azhar Islamic Research Academy) bahkan dengan perhatian khas oleh Syaikh Jaadul Haq Ali Jaadul Haq, Syaikhul Azhar pada masa itu sehingga ke tahap percetakannya yang pertama pada tahun 1412H / 1991M di

Percetakan Universiti Al-Azhar, di Kaherah.

Edisi pertama itu ialah edisi bersaiz besar yang diedarkan ke masjid-masjid dan surau di seluruh negeri selain untuk diagihkan kepada orang ramai yang terdiri dari keluarga Islam (pasangan suami isteri).

Lima belas tahun kemudian, iaitu pada tahun 1427H / 2006M barulah Mushaf Brunei Darussalam itu diterbitkan di Brunei oleh Percetakan Kerajaan iaitu edisi kedua yang berukuran kecil. Edisi kedua ini tujuan asalnya ialah bagi kegunaan murid-murid dan penuntut sekolah agama / Arab seperti halnya pada masa ini.

Sedemikian itulah ristaan sekitar penyediaan mushaf bertulis tangan dan percetakannya di Kaherah pada tahun 1991 dan di Brunei pada tahun 2006.

Maka pada sekitar tahun 2006 itulah timbul pemikiran untuk menerbitkan edisi Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya. Ia menjadi projek di bawah kendalian Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Ke arah itu, KHEU telah melantik sekumpulan pegawai yang berkecualan menjadi penyusun untuk menyediakan rang terjemahan ayat-ayat. Rang itu kemudian disemak dan diteliti dengan sedalam-dalamnya di peringkat Panel Redaksi yang seterusnya untuk ditunduki dalam mesyuarat bersama dengan Panel Penyemak (Masyaikh) atau sekurang-kurangnya diedarkan kepada Panel Penyemak (Masyaikh) itu sebelum diperakukan sebagai terjemahan yang terpakai.

>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	ISNIN	23	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
12	SELASA	24	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.27	7.40
13	RABU	25	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
14	KHAMIS	26	4.35	4.45	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
15	JUMAAT	27	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
16	SABTU	28	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.40
17	AHAD	29	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.40	6.27	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan 33 25 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar 33 25 °C	32 26 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong 33 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Kuala Belait 32 25 °C	32 26 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 11 MEI 2026

Kesihatan terjamin, hidup sejahtera

KESIHATAN merupakan aset paling berharga dalam kehidupan manusia. Tanpa kesihatan yang baik, seseorang akan menghadapi kesukaran untuk menjalani kehidupan dengan sempurna. Setiap individu perlu mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan kesihatan diri sentiasa terjamin demi mencapai kehidupan yang sejahtera.

Antara langkah utama untuk menjamin kesihatan ialah mengamalkan pemakanan yang seimbang. Makanan yang berkhasiat seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ikan yang dapat membekalkan nutrien penting untuk tubuh badan. Pada masa yang sama, pengambilan makanan segera, minuman bergula dan makanan berlemak perlu dikurangkan kerana boleh menyebabkan pelbagai penyakit seperti obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi.

Dalam pada itu, aktiviti senaman juga amat penting dalam memastikan kesihatan fizikal dan mental sentiasa berada dalam keadaan baik. Senaman bukan sahaja membantu mengawal berat badan, malah dapat meningkatkan kecergasan dan mengurangkan risiko penyakit. Aktiviti seperti berjoging, berenang dan berbasikal perlu dijadikan sebagai rutin harian. Tambahan pula, senaman dapat membantu seseorang melepaskan tekanan dan meningkatkan keyakinan diri.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menekankan betapa pentingnya kesihatan seperti dalam hadis baginda yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, "Dua nikmat yang kebanyakan manusia tidak menyedarinya, iaitu kesihatan dan masa lapang".

Tubuh yang sihat ialah tubuh yang semua bahagian anggotanya berfungsi dengan baik. Apabila ada antara fungsi yang terganggu atau terhalang sama sekali, maka itu bermakna tubuh kita dikira sakit.

Di samping kesihatan fizikal, kesihatan mental juga perlu dititikberatkan. Tekanan hidup yang berlebihan boleh menjejaskan emosi dan pemikiran seseorang. Oleh itu, setiap individu perlu bijak mengurus masa dan emosi agar kehidupan lebih tenang dan harmoni. Amalan seperti berehat secukupnya, meluangkan masa bersama keluarga serta mendekati diri kepada Tuhan dapat membantu menenangkan fikiran dan jiwa.

Oleh itu, kesihatan yang optimum akan membawa kepada kehidupan yang lebih sejahtera. Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup sihat agar dapat melahirkan masyarakat yang produktif dan berkualiti. Sesungguhnya, kesihatan yang baik merupakan kunci utama kepada kesejahteraan hidup. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سنديرين برحد، نگاربروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berangkat menyaksikan Liga Super Malaysia

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



>> Muka 1 Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Berangkat sama, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik

dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad. Separuh masa pertama menyaksikan DPMM FC bijak mengawal permainan dengan melakukan beberapa serangan bertubi-tubi ke atas Sabah FC namun gagal menjaringkan sebarang gol. Keadaan bertukar menjadi tegang saat pemain penyerang DPMM FC, Muhammad



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat bagi menyaksikan perlawanan tersebut. Berangkat sama, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan atas).

Ramadhan Sananta dilayankan kad merah kerana melakukan kekerasan ke atas pemain Sabah FC, Darren Yee Deng Lok. Babak kedua perlawanan pula menyaksikan kedua-dua pasukan saling menunjukkan penguasaan permainan yang

lebih baik dengan para pemain saling melancarkan beberapa serangan ke atas gawang masing-masing. Namun selang beberapa minit masa tambahan diberikan, pasukan Sabah FC berjaya menjaringkan gol mereka menerusi

sepakan penalti yang dibuat oleh Gabriel Shmegel Wotter Peres pada minit ke-93.

Keputusan kekal 0 - 1 sehingga wisel tamat perlawanan dibunyikan.

Menerusi perlawanan tersebut kini DPMM FC menduduki tangga kesembilan carta Liga Super Malaysia 2025/2026.

Pada perlawanan seterusnya, DPMM FC dijangka akan bertemu Penang FC di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang pada pukul 5.00 petang.

Dalam Sidang Media yang diadakan selepas perlawanan, Ketua Jurulatih DPMM FC, James Reynolds McAllister melahirkan rasa dukacita atas insiden kad merah yang berlaku, namun tetap melahirkan pujian ke atas usaha para pemain beliau yang dilihat sangat komited dan cemerlang dalam melaksanakan misi mereka di tempat sendiri.

"Para pemain dilihat sangat bersemangat dan berdisiplin serta berusaha kuat untuk meningkatkan mutu permainan dan juga mempertahankan gawang mereka dengan baik," jelas beliau.



BABAK-babak aksi semasa persaingan sengit antara DPMM FC dan Sabah FC pada Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas, kanan dan bawah kanan).



PARA penonton yang menyokong dan menonton dengan gemuruh serta semangat yang tidak pernah pudar (kiri).

BERSIHKAN HATI, DEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Dengan muhasabah ini, Zulhijah menjadi ruang untuk membersihkan hati supaya takwa yang dibina benar-benar membawa *kitani* lebih dekat kepada Allah.

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Muhasabah Menjelang Zulhijah : Dari Takwa Menuju Taqarrub' yang disampaikan oleh Ar-Razaq Kifayah Management, Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Hezqyl bin Haji Hambali dari Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar bagi menyerikan Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-228, baru-baru ini.

Hadir bagi sama-sama mengimarahkan lagi program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut sama menyemarakkan Malam Munajat ini ialah Ahli Jawatankuasa Takmir, para belia dan jemaah daripada beberapa buah masjid iaitu Masjid Kampung

TURUT hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Program Malam Munajat ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sungai Hanching; Masjid Kampung Salambigar; Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan dan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Turut menyertai ialah warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah dari Masjid Kampung Sungai Hanching, yang bersiaran dari masjid berkenaan.

Dikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Belia Masjid Kampung Salambigar, Awang Mohammad Aizuddin bin Haji Zainuddin dari Masjid Kampung Salambigar. Seterusnya, Doa Munajat



dibacakan oleh Imam Tingkat II, Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah,

Kampung Sungai Akar, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU, Awang Muhammad Farhanuddin bin Haji Hassan.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Imam Tingkat III, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, JHEM, KHEU, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Ketua Kampung Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B', Awang Haji Hamidi bin Haji Abdul Wahid dari Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan.

Program Malam Munajat

bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar Negara Brunei Darussalam beserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut iaitu <http://tiny.cc/munajatkheu>.

HALUAN

>> Muka 2

Ada pun Panel Penyemak (Masyaikh) itu ada disebutkan dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dalam penerbitan edisi Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya sebagai mereka yang 'terdiri daripada 'ulama tempatan yang berkelulusan dari universiti Islam yang tertua itu' - maksudnya Universiti Al Azhar, Mesir.

Alhamdulillah usaha penterjemahan mushaf negara yang mula dilaksanakan pada bulan Jun 2007 dan jilid pertamanya yang mengandungi juz 1 - 3 telah berjaya diterbitkan. Ia seterusnya telah dilancarkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran pada 17 Ramadan 1430H bersamaan 6 September 2009M.

Maka ternyata usaha menyelesaikan terjemahan 30 juz selengkapnya telah memakan masa hampir enam tahun (Jun 2007 - Julai 2013).

Itu baru setakat menyediakan rang terjemahan bagi projek menerbitkan Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya, bukan rang tafsiran yang juga akan mengikuti proses penyediaan yang sama sebelum diperakukan sebagai tafsiran yang terpakai.

Seperkara yang mustahak diingati ialah projek tafsiran ini menjadi sangat penting apabila ia merupakan hasrat yang dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semenjak tahun 2013 melalui perutusan baginda dalam terbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Maknanya yang lengkap 30 juz setebal lebih seribu enam ratus muka surat, iaitu supaya usaha selanjutnya dilakukan oleh anak tempatan menghasilkan tafsiran huraian terjemahan mushaf yang telah diterbitkan. Baginda maklum ia suatu usaha yang akan memakan waktu dan kegigihan dan azam, insyaaAllah akan berhasil.

Oleh itu, PDI telah berikhtiar dengan mendapatkan tenaga-tenaga tambahan bagi mempercepat proses penyusunan dan semakan rang tafsiran. Satu pasukan kerja tambahan untuk itu telah didapatkan bersama dengan dua orang pegawai yang kesemua sementara untuk satu jangka waktu yang ditetapkan dengan diketuai oleh dua orang pegawai, seorang untuk mengetuai pasukan khas itu dan seorang lagi sebagai penolongnya. Mereka juga bertugas secara sementara untuk satu tempoh yang pendek.

Langkah berani PDI ini saya akui sebagai langkah yang tepat bagi suatu *tasking* atau taklif untuk menyampaikan hajat mempercepat penyediaan rang tafsir yang juga melalui proses yang sama sebelum dimuktamadkan sebagai tafsiran yang terpakai bagi terbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya yang kita syukuri ketersediaannya, yakni keslesaiannya untuk diterbitkan lengkap 30 juz dengan acara majlis yang kita hadir ini.

Maka sedemikian itulah KHEU menerusi PDI melaksanakan penerbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya dengan sangat bersyukur.

Semoga kesyukuran kita bermajlis pagi ini akan diikuti dengan azam baharu untuk memikir dan merancang kesempatan dan faedah yang wajib kita ambil dari hasil setakat ini untuk diguna pakai dan digunakan sebaiknya, tidak disiakan dan tidak disalahgunakan, iaitulah antaranya dengan mentadabburkan ayat-ayat yang telah ditafsirkan dalam Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya itu melalui program-program *tadabbur* seperti yang sebahagiannya sudah berjalan di masjid-masjid pada masa ini.

Untuk itu insyaaAllah akan kita rundingkan lebih jelas dan dengan terperinci dalam masa yang dekat ini. Terutama sekali untuk menetapkan pendekatan yang utama dalam mengembangkan hasil yang telah ada itu melalui program *tadabbur* ayat-ayat yang ditafsirkan secara tematik.

Akhir kalam saya dengan ikhlas menyampaikan ucapan terima kasih rasa kasih dan penghargaan kepada sekalian yang telah menyumbang khidmat terdiri daripada Panel Masyaikh, Team Penyemak, Team Redaksi dan Team Penyusun.

Sesungguhnya kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan nikmatnya menyempatkan kita bersama menyaksikan kejayaan kita bersama secara *jama'ie* dengan penuh keinsafan mungkin sahaja terdapat kekurangan dan kelemahan yang kita sangat berharap dan memohon akan Allah tampungi dengan berkat niat kita menyumbang khidmat ikhlas mengharap ampun reda Allah Subhanahu Wata'ala zat yang sesungguhnya kita ibadati.

Sekian, *Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Jangan Memandu Dibawah Pengaruh

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt
No mobile phones while driving
Speeding is dangerous
Do not drive under influence
Wear helmet and proper attire while riding
Always watch out for other road users
Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

MENYANTUNI RS MENGADAPTASI DIRI DALAM KEHIDUPAN BERMASYARAKAT



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat majlis bersama isteri (atas). Manakala gambar kiri, Rakan Seliaan berpeluang untuk mengikuti program masakan Republik Turkiye yang telah dikendalikan oleh Yunus Emre Institut Republik Turkiye.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Aftercare Support Association

>> Muka 1

Alhamdulillah, program berkenaan merupakan salah satu inisiatif berterusan AFSA dalam menyantuni RS agar mereka dapat terus mengadaptasi diri dalam kehidupan bermasyarakat dan

berkomuniti.

Pihak AFSA amat bersyukur atas sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak Kedutaan Republik Turkiye dalam menjayakan program berkenaan.

Awang Muhammad Bazli calon Ketua Kampung Petani



SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong yang diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong (atas dan bawah).

Berita dan Foto : Nurdiyana Rajami

TUTONG, Ahad, 10 Mei. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong telah diadakan pada hari ini, bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong menggunakan kaedah kertas undi. Manakala, pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada Jumaat, 8 Mei 2026 lalu.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat

yang diketuai oleh Imam Masjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong, Mukim Pekan Tutong, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof.

Calon tunggal yang layak bagi mengisi jawatan Ketua Kampung Petani ialah Awang Muhammad Bazli bin Haji Ibrahim, berusia 36 tahun pada tarikh pencalonan.

Seramai 46 penduduk kampung daripada seramai 47 orang yang berdaftar dan layak mengundi calon untuk mengisi jawatan Ketua

Kampung Petani. Daripada jumlah berkenaan, seramai 11 orang telah menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK, manakala 35 orang pula menggunakan kertas undi.

Majlis pengundian dan pemilihan berkenaan telah menyaksikan sebanyak 24 undi telah bersetuju, manakala 22 undi tidak bersetuju dan tidak ada dikategorikan sebagai undi rosak.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku Pengerusi Majlis; pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), ketua-ketua kampung dan pemangku ketua kampung di bawah Mukim Pekan Tutong berserta penduduk kampung.

Keputusan pengundian dan pemilihan calon Ketua Kampung Petani akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.



Tawaran Tertutup TPK Siri BBM dibuka mulai 11 Mei

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mei. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Tawaran Tertutup Tanda Pengenal Kenderaan (TPK) bagi satu, dua, tiga dan empat angka (1 hingga 9999) Siri BBM akan dibuka melalui NomborKu : Click-and Bid selama dua minggu mulai Isnin, 11 Mei 2026 hingga Jumaat, 29 Mei 2026 melalui laman sesawang NomborKu www.nomborku.gov.bn.

Sukacita juga dimaklumkan kepada orang ramai bahawa harga tawaran minima, caj penyertaan tawaran dan caj perkhidmatan bagi Tawaran TPK satu angka (1 hingga 9) dan dua angka (10 hingga 99) adalah seperti berikut, iaitu bagi TPK satu angka, harga tawaran minima ialah BND5,000, caj penyertaan tawaran ialah BND1,000 dan caj perkhidmatan (*non-refundable*) ialah BND25.

Manakala bagi TPK dua angka, harga tawaran minimum ialah BND2,500, caj penyertaan tawaran ialah BND500 dan caj perkhidmatan (*non-refundable*) ialah BND25.

Bagi TPK satu dan dua angka, caj penyertaan tawaran akan dikembalikan bagi penender yang tidak berjaya dalam tawaran tertutup. Bagi tujuan pembayaran balik, penender yang tidak berjaya nanti perlu mengisi borang permohonan pembayaran balik (*refund*) dengan menyertakan dokumen-dokumen sokongan. Proses pembayaran balik caj penyertaan tawaran akan mengambil masa lebih kurang dua hingga ke tiga bulan.

Sementara harga tawaran minimum dan caj perkhidmatan bagi tawaran TPK tiga dan empat angka (100 hingga 9999) adalah seperti berikut, iaitu TPK Emas (Gold), harga tawaran minimum ialah BND2,000 dan caj perkhidmatan (*non-refundable*) ialah BND25; TPK Perak (Silver), harga tawaran minimum ialah BND500 dan caj perkhidmatan (*non-refundable*) ialah BND25; TPK Gangsa (Bronze), harga tawaran minimum ialah BND200 dan caj perkhidmatan (*non-refundable*) ialah BND25; serta TPK Biasa (Normal), harga tawaran minimum ialah BND100 dan caj perkhidmatan (*non-refundable*) ialah BND25.

Pembayaran caj penyertaan tawaran dan caj perkhidmatan bagi setiap tawaran TPK boleh dibuat melalui dua kaedah, iaitu pembayaran secara dalam talian (*online*), mempunyai alamat e-mel yang aktif dan mempunyai kad pembayaran (sama ada Kad Debit atau Kad Kredit) yang sah.

Manakala pembayaran secara tunai melalui kaunter perkhidmatan, iaitu mempunyai alamat e-mel yang aktif, membuat pembayaran bagi mendapatkan Kod Baucar di kaunter-kaunter perkhidmatan JPD (kecuali Kompleks Litar Latihan dan Ujian Memandu JPD Sungai Akar), dan mengakses laman sesawang NomborKu: www.nomborku.gov.bn untuk melengkapkan penyertaan tawaran dengan memasukkan Kod Baucar.

Bagi keterangan lanjut mengenai Click-and-Bid, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang www.nomborku.gov.bn.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui talian +673 7181641 (WhatsApp) atau e-mel ke hello@jpd.gov.bn. Orang ramai boleh juga melayari laman sesawang www.jpd.gov.bn dan Instagram [@jpd.bn](https://www.instagram.com/jpd.bn) bagi maklumat lanjut.

MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI DI KAWASAN LUMAPAS SENTIASA TERPELIHARA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'B'

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mei. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' dalam ucapannya percaya bahawa hubungan yang baik antara pihak kampung dan sekolah adalah sangat penting kerana sekolah bukan sahaja menjadi tempat menimba ilmu bagi anak-anak, malah turut menjadi sebahagian daripada pusat pembangunan sosial dan masyarakat di kawasan ini.

Melalui perjumpaan seperti ini, Yang Berhormat menyatakan,

kedua-dua pihak dapat berbincang secara terbuka mengenai pelbagai perkara yang melibatkan kepentingan masyarakat, kebajikan para pelajar, keselamatan persekitaran sekolah, penggunaan kemudahan awam, serta aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dapat memberi manfaat kepada penduduk kampung dan warga sekolah secara keseluruhannya.

Pada Sesi Muzakarah Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumapas 'B' bersama Sekolah Rendah Lumapas, Yang Berhormat menjelaskan, pihak MPK Lumapas

'B' amat percaya bahawa komunikasi dan kerjasama yang berterusan adalah kunci utama dalam menjamin kesejahteraan semua pihak.

"Dengan adanya hubungan yang erat dan persefahaman yang baik, sebarang isu atau perkara yang timbul dapat dibincangkan dan diselesaikan secara bersama melalui semangat musyawarah dan saling hormat-menghormati.

"Pihak kami amat menghargai kesudian pihak sekolah untuk bekerjasama dan memberikan pandangan serta cadangan yang membina agar segala perancangan dapat dilaksanakan dengan baik, teratur dan memberi manfaat kepada semua pihak tanpa menjejaskan persekitaran pembelajaran dan kemudahan sekolah," ujar Yang Berhormat semasa muzakarah berlangsung di Sekolah Rendah Lumapas.

Tambahnya lagi, adalah menjadi harapan kita bersama agar hubungan erat yang terjalin antara MPK Lumapas 'B' dan pihak Sekolah Rendah Lumapas akan terus diperkukuhkan dari semasa ke semasa.

"Semoga kerjasama yang dibina ini akan menjadi asas kepada pelaksanaan lebih banyak program dan aktiviti yang dapat memberi impak positif kepada masyarakat kampung, warga sekolah serta generasi muda pada masa hadapan.

"Kami amat menghargai layanan baik, kerjasama serta keterbukaan pihak sekolah dalam meluangkan masa untuk sama-sama hadir bagi membincangkan perkara-perkara yang melibatkan kepentingan bersama," ujar Yang Berhormat



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Lumapas 'B' semasa hadir pada Sesi Muzakarah Majlis Perundingan Kampung Lumapas 'B' bersama Sekolah Rendah Lumapas.

lagi.

Sesungguhnya, katanya, penerimaan dan kesudian pihak sekolah untuk terus menjalinkan hubungan serta kerjasama bersama masyarakat kampung amatlah bermakna dan mencerminkan semangat perpaduan serta tanggungjawab bersama dalam memastikan kesejahteraan komuniti di kawasan Lumapas sentiasa terpelihara.

Seramai 12 Ahli MPK berkenaan hadir pada perjumpaan yang diketuai oleh Yang Berhormat dan Guru Besar Sekolah Rendah Lumapas, Dayang Hasdina Faranom binti Haji Mohd. Hassan serta pihak-pihak tertentu sekolah berkenaan.

Perjumpaan itu merupakan kesinambungan daripada perjumpaan pertama yang telah lalu yang memberikan ruang kepada kedua-dua pihak untuk saling mengenali dengan lebih dekat, bertukar pandangan serta membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan bersama, khususnya dalam memastikan hubungan baik antara masyarakat kampung dan institusi pendidikan sentiasa terpelihara dan diperkukuhkan.

Perjumpaan itu juga merupakan usaha dengan matlamat untuk mempereratkan hubungan kerjasama dan komunikasi di antara MPK Lumapas 'B' dan pihak sekolah.

Peluang muhasabah diri melalui Program 'Ilm Series

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Mei. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), pagi tadi, mengadakan Program 'Ilm Series Siri Ke-24 bertempat di Dewan Serbaguna, PDI, di sini.

Program tersebut terbahagi kepada dua sesi iaitu sesi pertama, Dialog Ilmiah dan sesi kedua, Bengkel Refleksi Iman : Aku dan Taat. Kedua-dua sesi ini dibukakan kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie serta orang ramai.

Bagi sesi pertama, Dialog Ilmiah yang bertajuk 'Kisah Nabi Ismail Alaihissalam - Saat Allah Menguji, Memilih Ketaatan atau Beralasan' disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Mohammad Shahmie bin Mohammad Sani.

Antara inti pati yang dikongsikan ialah ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala merupakan bukti keimanan yang sebenar serta cerminan kepada tahap keimanan seseorang.

Selain itu, setiap ujian yang dihadapi perlu dilihat sebagai satu bentuk tarbiah daripada Allah Subhanahu Wata'ala, bukan sekadar beban semata-mata.

Para peserta juga diingatkan agar mengenal pasti alasan-alasan dalam diri yang menghalang daripada melaksanakan ketaatan, seterusnya berusaha meninggalkan alasan tersebut dengan memperkukuh *husnudzon* dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketaatan Nabi Ismail Alaihissalam dijadikan contoh unggul dalam menghadapi ujian yang berat walaupun hikmahnya belum jelas terlihat.

Program diteruskan dengan sesi Bengkel Refleksi Iman : Aku dan Taat yang dikendalikan oleh AJK Tertinggi bersama Fasilitator Belia Da'ie.

Sesi ini memberi peluang kepada para peserta untuk bermuhasabah melalui aktiviti secara individu dan berkumpulan, termasuk mengenal pasti cabaran dalam melaksanakan ketaatan serta membina komitmen terhadap perubahan diri.

Melalui bengkel ini, para peserta diharapkan dapat meningkatkan pemahaman mengenai konsep ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping membina hati yang lebih mudah melaksanakan perintah-Nya serta mengamalkan sikap bersangka baik dan bertawakal dalam menghadapi ujian kehidupan.

Sambutan orang ramai adalah sangat menggalakkan dengan kehadiran seramai 60 orang bagi sesi pertama yang terdiri daripada kalangan para *asatizah*, pegawai-pegawai kerajaan, pesara, belia termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), mahasiswa dan mahasiswi universiti serta orang persendirian.

Rakaman program boleh didapati di laman Instagram rasmi Belia Da'ie @beliadaie, manakala Sesi Dialog Ilmiah turut disiarkan secara langsung melalui Instagram *live* di akaun rasmi Belia Da'ie.



ANTARA yang menyertai Program 'Ilm Series Siri Ke-24 bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah.

Pesta Bedudun Versi 2 tutup tirai



PERTANDINGAN Kicauan Burung Murai Batu antara acara yang diadakan pada Pesta Bedudun Versi 2.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

BELAIT, Ahad, 10 Mei. - Pesta Bedudun Versi 2 yang telah diadakan selama lima hari berakhir hari ini.

Pesta Bedudun anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Perumahan Negara Lumut Kawasan 1, 2 dan 3 atas sokongan Kelab Rekreasi Liang Lumut itu berlangsung di Kelab Rekreasi Liang Lumut (LLRC), di sini.

Hadir selaku tetamu hormat pada acara kemuncak pesta tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Penasihat Kelab Budaya Mupun Selendang Sutura Brunei Darussalam yang

menyempurnakan pelancaran tiga acara pertandingan semasa Pesta Bedudun Versi 2 iaitu Pertandingan Futsal Lima Orang Sepasukan, Pertandingan Memancing dan Pertandingan Kicauan Burung Murai Batu.

Dengan kejayaan penganjuran acara itu bukanlah hasil usaha individu semata-mata tetapi merupakan hasil kerjasama erat, semangat perpaduan serta komitmen berpasukan daripada pelbagai pihak dan semangat kebersamaan dan memperkukuhkan hubungan silaturahim dalam kalangan masyarakat.

Pesta Bedudun tersebut bukan sekadar sebuah acara keramaian,

malah merupakan platform yang signifikan dalam mengetengahkan budaya, warisan, tradisi serta identiti masyarakat tempatan.

Pesta tersebut bukan sahaja menghimpunkan masyarakat setempat, bahkan turut menjadi daya tarikan kepada pengunjung dari dalam dan luar negara untuk mengenali dengan lebih dekat keunikan budaya serta kehidupan komuniti di kawasan ini.

Sepanjang penganjurannya, pelbagai aktiviti menarik telah disusun, termasuk pertandingan rakyat, pameran, jualan oleh usahawan tempatan, persembahan kebudayaan, hiburan keluarga serta pelbagai aktiviti riadah yang melibatkan penyertaan masyarakat daripada pelbagai lapisan.

Inisiatif seperti ini amat bertepatan dalam usaha menghidupkan suasana komuniti yang aktif, progresif dan bersatu padu. Di samping itu, ia juga membuka peluang kepada usahawan tempatan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka, sekali gus menyumbang kepada perkembangan ekonomi setempat serta menyokong usaha memperkasa pelancongan domestik di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebuah acara berteraskan komuniti, Pesta Bedudun turut memainkan peranan penting dalam memperkenalkan potensi kawasan Mukim Liang sebagai destinasi yang aktif, kaya dengan warisan budaya serta berpotensi untuk terus berkembang sebagai tarikan pelancongan tempatan.

PENGIKTIRAFAN ATAS USAHA, PENGORBANAN PELAJAR DALAM CAPAI KECEMERLANGAN AKADEMIK

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Abdul Muaz Razali



KETUA Bahagian Akademik, Program dan Perkhidmatan Pendidikan, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Nisah binti Haji Gharif hadir selaku tetamu kehormat majlis. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat (atas). Sementara gambar kiri, Dayang Nurhana Aqilah binti Saiful Bahrin, pelajar dari Kelas 11SC1 memperoleh Anugerah Pelajar Cemerlang (Keseluruhan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Kejayaan para pelajar tidak akan tercapai tanpa ada pengorbanan dan kerja keras para guru yang sentiasa membimbing dengan penuh dedikasi dan keikhlasan.

Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Dayang Hajah Rosiah binti Haji Gharif menyatakan demikian dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Penyampaian Anugerah Akademik Peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE Tahun 2025 bagi para pelajar sekolah berkenaan hari ini.

Menurut Dayang Hajah Rosiah lagi, tanpa jasa guru-guru, kecemerlangan para pelajar tidak akan terhasil dan ini jelas terbukti apabila Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab sekali lagi telah berjaya menunjukkan peningkatan peratus 5 'O' Level ke atas sebanyak 2.6 peratus, iaitu dari 36.1 peratus pada 2024 kepada 38.7 peratus pada 2025.

Alhamdulillah, tambahnya, pada tahun ini Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab telah diberikan anugerah insentif sebanyak BND2,000 oleh Kementerian Pendidikan semasa Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-8 yang berlangsung pada 6 Mei 2026 atas peningkatan tiga

tahun berturut-turut.

"Majlis pada hari ini bukan hanya merayakan para pelajar tetapi juga kepada guru-guru Tahun 11 yang banyak menaburkan jasa bakti dalam melakar kejayaan ini.

"Untuk makluman bersama, sebanyak empat mata pelajaran telah mencapai 100 peratus kredit, iaitu Computer Science, Additional Mathematics, Information and Communication Technology atau lebih dikenali ICT, dan Art and Design.

"Sementara itu, sebanyak enam mata pelajaran telah menunjukkan peningkatan yang sangat ketara berbanding 2024, iaitu subjek English 'O' Level, Mathematics D, Physics, Chemistry, Combined Science dan Food and Nutrition (F&N)," katanya pada majlis yang berlangsung di dewan serbaguna sekolah berkenaan.

Terdahulu, pengetua sekolah berkenaan berkata, hari ini merupakan satu detik yang amat bermakna bagi pelajar-pelajar yang diraikan. Majlis ini bukan sekadar acara penyampaian sijil dan anugerah tetapi juga sebagai satu pengiktirafan terhadap usaha, pengorbanan, disiplin dan kesungguhan para pelajar dalam mencapai kecemerlangan akademik.

Beliau merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam Peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE 2025.

"Kejayaan ini bukan datang secara kebetulan tetapi hasil daripada komitmen yang berterusan, ketabahan menghadapi cabaran, serta semangat untuk terus maju.

"Dengan tulus ikhlas saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada guru-guru berkenaan. Sesungguhnya penghargaan yang diberikan hari ini tidaklah setanding dengan penat lelah dan jasa bakti *biskita* wahai guru.

"Semoga tunjuk ajar yang dicurahkan mendapat ganjaran pahala yang setimpal di sisi Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Ketua Bahagian Akademik, Program dan Perkhidmatan Pendidikan, Jabatan Sekolah-sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Nisah binti Haji Gharif.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat;

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, timbalan-timbalan pengetua, penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai dari JSS, para jemputan, guru-guru, para ibu bapa pelajar.

Majlis kali ini menyaksikan Anugerah Pelajar Cemerlang (Keseluruhan) yang dinobatkan kepada Dayang Nurhana Aqilah binti Saiful Bahrin dari Kelas 11SC1 yang menerima sebuah piala, wang tunai dan sijil.

Bukan itu sahaja, Dayang Nurhana Aqilah juga menerima anugerah memperoleh sembilan 'O' level dan menerima sebuah piala dan sijil; anugerah bagi memperoleh kredit dalam semua subjek dengan menerima wang tunai dan sijil; anugerah bagi mendapat 'A*' dan 'A', penuntut memperoleh 2 'A*' bagi mata pelajaran Geography dan Pengetahuan Agama Islam (IRK), 5 'A' bagi mata Pelajaran Bahasa Melayu, Biology, Chemistry, Physics dan Mathematics D, anugerah mendapat 'A*' dengan menerima wang tunai dan sijil; penerima anugerah yang mendapat 'A' dengan menerima wang tunai dan sijil; anugerah bagi pelajar anak yatim yang berjaya

memperoleh lima 'O' Level ke atas dengan menerima wang tunai dan sijil; serta anugerah pencapaian akademik tajaan Insurance Islam TAIB General Takaful Sendirian Berhad.

Manakala seramai 43 pelajar memperoleh lima 'O' Level hingga sembilan 'O' level, 10 pelajar memperoleh kredit dalam semua subjek, dua pelajar anak yatim yang memperoleh lima 'O' Level ke atas, dan enam pelajar bantuan yang memperoleh lima 'O' level ke atas turut menerima hadiah masing-masing.

Di samping itu juga pihak sekolah memberikan insentif kepada 23 pelajar yang memperoleh 'A*' dan 'A' dalam subjek-subjek tertentu.

Pencapaian berkenaan juga tidak akan terlaksana tanpa sokongan padu daripada ibu bapa dan penjaga yang mana mereka ini sentiasa menjadi tulang belakang kepada anak-anak dalam memberikan dorongan, doa dan pengorbanan yang tidak ternilai.

Selain itu, kejayaan para pelajar tidak akan tercapai tanpa ada pengorbanan dan kerja keras para guru yang sentiasa membimbing dengan penuh dedikasi dan keikhlasan.

Platform mengeratkan hubungan komuniti dalam suasana meriah

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



BERAKAS, Sabtu, 9 Mei. - Europe Acrobatic Circus kini dibuka secara rasmi, membawa gabungan hiburan bertaraf antarabangsa dan semangat kemasyarakatan melalui Bazar Amal yang

berlangsung di kawasan Perkampungan Sukan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan

perasmian pada malam tadi, Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Muniyati binti Haji Abd. Aji.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing.

Acara yang dijadualkan berlangsung dari 2 Mei 2026 hingga 14 Jun 2026 berkenaan menjanjikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan untuk seisi keluarga bagi persembahan sarkas yang tampil lebih hebat dengan aksi lebih mendebarkan, serta berkonsepkan kekeluargaan, menjadikannya lebih menarik berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Bersempena pembukaan berkenaan, pengunjung juga boleh menikmati Bazar Amal di samping permainan Fun Fair untuk semua peringkat umur, reruai jualan juadah makanan dan pelbagai macam lagi.

Pertunjukan sarkas akan dipertunjukkan dari Isnin hingga Ahad pada jam 4.00 petang dan 8.30 malam, manakala tiada



PEMANGKU Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Muniyati binti Haji Abd. Aji hadir selaku tetamu kehormat majlis. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing (atas). Manakala gambar kiri, Europe Acrobatic Circus kini dibuka secara rasmi, membawa gabungan hiburan bertaraf antarabangsa dan semangat kemasyarakatan.

pertunjukan pada Khamis, sementara pada Jumaat pada jam 8.30 malam sahaja.

Acara berkenaan bukan

sekadar hiburan, malah menjadi platform untuk mengeratkan hubungan komuniti dalam suasana yang meriah.

UNISSA TERSENARAI 500 TERBAIK WURI 2026

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sekali lagi melakar kegemilangan di persada global apabila berjaya melonjak ke kedudukan 147 dunia dalam The World University Rankings for Innovation (WURI) 2026, sekali gus menempatkannya dalam kelompok 500 universiti paling inovatif di dunia.

Keputusan berkenaan telah diumumkan pada 7 Mei 2026 lalu, dalam acara 6th HLU Annual Conference & WURI Global Rankings 2026 di sebuah universiti terkemuka.

Pencapaian luar biasa berkenaan menunjukkan

peningkatan yang amat memberangsangkan berbanding tahun sebelumnya apabila UNISSA berada di kedudukan 201 dunia dalam WURI 2025.

Lonjakan sebanyak 54 anak tangga dalam tempoh hanya setahun membuktikan keupayaan UNISSA untuk terus memacu budaya inovasi, penyelidikan berimpak tinggi dan transformasi pendidikan yang relevan dengan keperluan semasa.

Dalam penilaian WURI 2026 kali ini, UNISSA telah mencatat pencapaian cemerlang dalam beberapa kategori utama, antaranya kedudukan ke-29 bagi Kategori Industrial Application;

kedudukan ke-44 bagi Kategori Inclusive Social Innovation for the Underserved; kedudukan ke-79 bagi Kategori Representative Research Project; dan kedudukan ke-82 bagi Kategori AI-Based Teaching and Learning Transformation.

Ini memperlihatkan pengiktirafan dunia terhadap komitmen UNISSA dalam mengintegrasikan inovasi, Kecerdasan Buatan (AI), penyelidikan berkualiti dan pembangunan masyarakat secara inklusif dalam ekosistem pendidikan tinggi Islam.

Lebih membanggakan, pencapaian berkenaan membuktikan bahawa sebuah universiti Islam tulin dari Negara Brunei Darussalam mampu berdiri sebaris dengan universiti-universiti terkemuka dunia dalam aspek inovasi, aplikasi industri dan transformasi pendidikan masa hadapan.

Selain itu, ia juga menjadi manifestasi kepada visi UNISSA dalam melahirkan generasi Khayra Ummah yang berdaya saing, progresif dan mampu menyumbang kepada pembangunan masyarakat sejagat.

Justeru, pencapaian berprestij berkenaan dijangka akan terus memperkukuh lagi reputasi antarabangsa UNISSA sebagai pusat kecemerlangan ilmu, penyelidikan dan inovasi yang semakin berpengaruh di peringkat serantau dan global.



DALAM penilaian WURI 2026 kali ini, UNISSA telah mencatat pencapaian cemerlang dalam beberapa kategori utama, antaranya kedudukan ke-29 bagi Kategori Industrial Application; kedudukan ke-44 bagi Kategori Inclusive Social Innovation for the Underserved; kedudukan ke-79 bagi Kategori Representative Research Project; dan kedudukan ke-82 bagi Kategori AI-Based Teaching and Learning Transformation (atas, kiri dan bawah).



Memperkukuh kemahiran kerja berpasukan, kepimpinan pelajar



MAJLIS Pembukaan Rasmi IBTE Business Campus Community Funfest 2026 berlangsung dengan kehadiran General Manager Wadah Amal Sendirian Berhad, Awang Nazrul Arifin bin Nor Hanipah (atas dan atas kanan).



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

langsung dengan para pelajar menguruskan acara berskala besar daripada peringkat perancangan hingga pelaksanaan.

Antara tarikan utama ialah bazaar awam yang menampilkan pelbagai vendor tempatan yang menjual makanan, minuman serta produk kreatif. Selain itu, Kejohanan e-Sukan Inter-IBTE (Mobile Legends : Bang Bang) sedang berlangsung dengan penyertaan pelajar daripada pelbagai Kampus Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dalam suasana persaingan yang sihat dan meriah.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Rasmi IBTE Business Campus Community Funfest 2026 berlangsung dengan kehadiran General Manager Wadah Amal Sendirian Berhad, Awang Nazrul Arifin bin Nor Hanipah; Deputy General Manager Wadah Amal Sdn. Bhd., Dayang Nurliyana Fatin

@Fatimah binti Arifin; Marketing Manager Wadah Amal Sdn. Bhd., Awang Norfirdaus bin Rashid; serta pihak pengurusan IBTE Sekolah Bisnes, tenaga pengajar dan pelajar.

Aktiviti berkenaan bertujuan untuk memberikan pendedahan praktikal dalam bidang keusahawanan, memperkukuh kemahiran kerja berpasukan dan kepimpinan serta memberi inspirasi kepada pelajar untuk menceburi bidang perniagaan.

Aktiviti akan diteruskan sepanjang hari ini dengan kemuncak acara, iaitu perlawanan akhir dan Majlis Penyampaian Hadaiah Kejohanan e-Sukan yang akan diadakan pada Ahad, 10 Mei 2026.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir dan menyokong inisiatif pelajar berkenaan yang turut mengetengahkan bakat serta perniagaan tempatan.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - IBTE Business Campus Community Funfest 2026 diadakan selama dua hari bermula hari ini di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), yang menghimpunkan para pelajar, usahawan tempatan dan orang ramai dalam satu acara komuniti yang meriah.

Aktiviti berkenaan dianjurkan oleh Sekolah Bisnes dan dikendalikan oleh 157 pelajar daripada program Sijil Pendidikan Teknikal Tertinggi Kebangsaan (HNTec) in Business (Business Management) dan HNTec in Business (Office Administration) sebagai sebahagian daripada projek Event Management mereka. Inisiatif berkenaan memberi peluang pembelajaran secara

2 SEKOLAH RAIH KEJAYAAN, TERIMA ANUGERAH



NEGARA Brunei Darussalam (NBD) terus mencatat kejayaan di persada antarabangsa apabila dua buah sekolah dari negara ini berjaya meraih kemenangan serta menerima anugerah dalam Pertandingan Anugerah Kecemerlangan Projek Pelajar Antarabangsa Kali Ke-2, 2026.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) terus mencatat kejayaan di persada antarabangsa apabila dua buah sekolah dari negara ini berjaya meraih kemenangan serta menerima anugerah dalam Pertandingan Anugerah Kecemerlangan Projek

Pelajar Antarabangsa Kali Ke-2, 2026 yang dianjurkan oleh Prince of Songkla University, bertempat di Royal Phuket City Hotel, Thailand, baru-baru ini. Penyertaan seramai enam pelajar dan dua guru pengawas untuk menyertai pertandingan berkenaan telah diselaras oleh

Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP). Bagi Kategori Sains Sosial - Peringkat Rendah Atas, Sekolah Rendah Rataie telah berjaya meraih gelaran juara menerusi projek bertajuk 'KantinKu'. Anugerah berkenaan telah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

disampaikan oleh Dekan Fakulti Pendidikan, Prince of Songkla University, Profesor Dr. Afifi Lateh, selaku pengerusi majlis.

Sekolah Rendah Rataie diwakili oleh Nur Alya Syafiqah binti Ahmad Sufi, Nur Aliya binti Ali Sufian dan Muhamad Rafid Nur Aiman bin Ramli, serta diiringi oleh Pegawai Pendidikan, Sekolah Rendah Rataie, Dayangku Noorhasyimah Nadrah@Dayangku Arina binti Pengiran Ahmad.

Sementara itu, bagi Kategori Sains Sosial - Peringkat Menengah Atas, Sekolah Menengah Sayyidina Ali mendapat tempat kedua (*first runner up*) melalui pembentangan projek bertajuk 'From Paper to Platform : An AI-Enabled Learning Management System for Brunei Secondary Schools'.

Anugerah berkenaan telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Pendidikan, Chulalongkorn University, Associate Professor Dr. Yotsawee Saifah.

Sekolah Menengah Sayyidina Ali diwakili oleh Erene Nicole Anak Edanan, Nur Rifqah Athillah Azzyati binti Muhamad Zainin dan Nur Imanina@Rawiyah binti Aziz serta diiringi oleh Pegawai Pelajaran Sekolah Menengah Sayyidina Ali,

Awang Muhammad Hasif bin Awang Nordin.

Antara objektif utama pertandingan ini ialah untuk menggalakkan pelajar daripada institusi pendidikan di seluruh dunia membangunkan kemahiran analitikal, pemikiran kritikal serta keupayaan menyelesaikan masalah secara kreatif melalui pelaksanaan projek dalam bidang sains dan sains sosial.

Selain itu, kejayaan yang diraih ini bukan sahaja mengharumkan nama sekolah masing-masing, bahkan turut mengangkat imej negara di persada antarabangsa, sekali gus mencerminkan kecemerlangan sistem pendidikan negara yang berteraskan nilai murni, daya cipta serta prinsip pembelajaran abad ke-21.

Pencapaian ini juga menjadi bukti komitmen tinggi, kreativiti dan dedikasi yang ditunjukkan oleh para pelajar, di samping bimbingan serta sokongan berterusan daripada para guru dalam usaha memartabatkan ilmu dan inovasi pendidikan. Ia turut menyerlahkan tekad institusi pendidikan negara dalam melahirkan generasi berilmu, berdaya saing dan berpotensi untuk cemerlang di persada antarabangsa.

PGGMB komited tingkatan kualiti pusat penjagaan kanak-kanak



JAWATANKUASA Taska Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Day Care) Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) baru-baru ini mengadakan Lawatan Kerja ke PGGMB Day Care, Sungai Akar (atas dan atas kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

SUNGAI AKAR, Sabtu, 9 Mei. - Jawatankuasa Taska Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (Day Care) Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) baru-baru ini mengadakan Lawatan Kerja ke PGGMB Day Care, Sungai Akar, di sini.

Tujuan lawatan adalah meninjau perkembangan dan kemajuan *day care* setakat ini, melihat fasiliti-fasiliti yang terdapat di premis berkenaan, selain menyemak kurikulum bersesuaian dengan perkembangan dan pembelajaran awal kanak-kanak di sana serta faktor-faktor keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak berkenaan.

Hadir dalam lawatan berkenaan ialah Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri (Pengerusi); Pengerusi Tetap PGGMB,

Dayang Hajah Hanipah binti Haji Apong (Pengurus); Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negeri), Awang Haji Yahya bin Haji Mirasan (Setiausaha); Setiausaha Agung PGGMB, Awang Yakub bin Haji Abdul Rahman (Ahli), serta jawatankuasa dilantik, Penyelia Daycare dan Staf Daycare.

Pada akhir lawatan tersebut, sesi perbincangan dan saranan sumbangan telah diadakan antara Jawatankuasa PGGMB Daycare bersama para penyelia pusat jagaan kanak-kanak.

Pelbagai idea serta pandangan bernas dikongsikan dalam usaha mempertingkatkan mutu pengurusan dan menyediakan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak yang lebih sesuai, berkesan dan selaras dengan perkembangan semasa.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Peranan Pengguna Jalan Raya dalam Mengurangkan Kemalangan'. Tarikh Tutup : 13 Mei 2026
- 'Pelibatan Belia dalam Industri Pembinaan: Cabaran dan Peluang'. Tarikh Tutup : 20 Mei 2026
- 'Tingkatkan Kesedaran Pencegahan Penyakit Buah Pinggang'. Tarikh Tutup : 27 Mei 2026

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

ZAHIR RASA SYUKUR TERPILIH MENJADI TETAMU ALLAH



AWANG Hamdan bin Haji Raub bersama isteri, Dayang Zulastry binti Haji Abdul Wahab.

apabila berpeluang menziarahi Masjid Nabawi serta makam junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Awang Hamdan menjelaskan, suasana di Masjid Nabawi memberikan satu aura luar biasa yang hanya dapat dirasai sendiri oleh para jemaah yang berpeluang menziarahinya.

Tambahnya, peluang berada di Raudah yang dikenali sebagai salah satu taman syurga juga menjadi pengalaman paling menyentuh hati dan mampu menitikkan air mata para jemaah yang berada di situ.

Dalam pada itu, beliau turut berkongsi mengenai persiapan yang dilakukan sebelum berangkat ke Tanah Suci, termasuk membuat persiapan fizikal, menjaga kesihatan serta menghadiri kursus-kursus haji bagi mendalami ilmu berkaitan ibadah tersebut.

Selain itu, beliau juga menekankan kepentingan persediaan rohani dengan memperbaiki diri serta menjaga hubungan sesama manusia agar dapat melaksanakan ibadah haji dengan lebih sempurna.



Menyentuh pengalaman awal di Madinah, beliau menyifatkan peluang menunaikan solat berjemaah di Masjid Nabawi dan menziarahi makam Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai antara pengalaman paling bermakna dalam hidupnya.

"Saya berasa hati menjadi lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya apabila berada di sini," katanya.

Beliau turut merakamkan

penghargaan kepada keluarga serta rakyat NBD yang sentiasa mengirinkan doa buat para jemaah haji di Tanah Suci.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih atas doa semua pihak. Mudah-mudahan rakyat Brunei yang belum berpeluang menunaikan haji akan dipermudahkan rezeki dan dipanggil menjadi tetamu Allah pada masa akan datang," tambahnya lagi.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Awang Hamdan Haji Raub

MADINAH, Sabtu, 9 Mei. - Perasaan syukur dan terharu jelas tergambar dalam kalangan jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) sebaik sahaja selamat tiba di Tanah Suci Madinah bagi menunaikan ibadah haji bagi musim haji tahun ini.

Salah seorang jemaah, Awang Hamdan bin Haji Raub ketika ditemui bual berkata, peluang menjadi tetamu Allah Subhanahu Wata'ala merupakan nikmat yang amat besar dan sukar digambarkan dengan kata-kata.

"Alhamdulillah, saya berasa sangat bersyukur dan terharu kerana akhirnya diberi peluang

oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menjadi tetamu-Nya pada tahun ini. Perasaan ini sukar digambarkan dengan kata-kata, lebih-lebih lagi apabila mengenangkan penantian dan persiapan yang telah dilakukan sejak sekian lama," jelasnya.

Menurutnya lagi, pengalaman menjejakkan kaki di Madinah bukanlah kali pertama kerana sebelum ini beliau bersama isterinya, Dayang Zulastry binti Haji Abdul Wahab, telah dua kali menunaikan ibadah umrah.

Katanya, berada di Madinah memberi ketenangan jiwa yang amat mendalam, khususnya

Memastikan hubungan kekeluargaan sentiasa erat, saling menghormati



ISLAM mengajarkan umatnya agar menjadikan rumah tangga sebagai sebuah institusi yang aman, selamat, sihat, harmoni dan bahagia buat seluruh keluarga.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Keluarga merupakan anugerah paling berharga dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam kehidupan setiap insan.

Dalam Islam, keluarga bukan sekadar ikatan darah atau hubungan perkahwinan tetapi

merupakan satu amanah besar yang dipertanggungjawabkan kepada setiap insan.

Amanah ini menuntut kasih sayang, pengorbanan, kesabaran dan tanggungjawab yang berterusan demi memastikan kesejahteraan ahli keluarga sentiasa terpelihara.

Islam mengajarkan umatnya agar menjadikan rumah tangga sebagai sebuah institusi yang aman, selamat, sihat, harmoni dan bahagia buat seluruh keluarga. Oleh itu, pembinaan keluarga yang bahagia ini perlu dilihat kepada peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh setiap isi rumah, merangkumi ibu bapa dan anak-anak.

Setiap ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa depan anak-anak. Anak-anak ibarat kain putih yang memerlukan didikan sempurna agar membesar menjadi insan berakhlak mulia, berilmu dan berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Dalam dunia yang dipenuhi pengaruh media sosial serta cabaran moral masa kini, ibu bapa perlu menjadi contoh terbaik kepada anak-anak. Sikap hormat-menghormati, berbudi bahasa dan nilai kasih sayang perlu dipupuk sejak kecil agar ia menjadi budaya dalam kehidupan keluarga.

Oleh itu, setiap anggota keluarga perlu memainkan peranan untuk memastikan hubungan kekeluargaan sentiasa erat. Amalan berbincang, saling menghormati dan meluangkan masa bersama keluarga dapat

menguatkan kasih sayang sesama ahli keluarga. Selain itu, didikan agama juga sangat penting kerana ia menjadi panduan dalam membentuk keluarga yang harmoni dan sejahtera.

Untuk merapatkan hubungan kekeluargaan ialah dengan mengamalkan sembahyang berjemaah bersama keluarga. Sembahyang berjemaah mempunyai fadilat dan ganjaran pahala yang amat besar.

Oleh itu, dirikanlah sembahyang berjemaah bersama keluarga secara rutin kerana mendirikan sembahyang secara berjemaah bersama isteri, anak-anak dan keluarga itu boleh menjadikan sebuah keluarga yang *sakinah mawaddah warahmah*, iaitu keluarga yang aman, penuh kasih sayang dan balas kasihan.

Selain itu, masyarakat juga perlu memainkan peranan dalam membantu memperkukuh institusi keluarga. Sikap prihatin dan memedulikan terhadap jiran mampu mewujudkan persekitaran yang positif untuk perkembangan keluarga yang sihat.

Program kemasyarakatan, ceramah keibubapaan dan aktiviti kekeluargaan juga wajar dipergiatkan bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menjaga amanah keluarga.

Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan institusi kekeluargaan di negara ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) mengisytiharkan Ahad minggu pertama dalam bulan Mei setiap tahun sebagai Hari Keluarga Kebangsaan.

Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan merupakan satu wadah untuk menyatukan usaha secara Whole of Nation dalam menyampaikan mesej mengenai kepentingan keharmonian keluarga dan penguatan institusi keluarga untuk mengatasi segala cabaran, terutama sekali dalam perpaduan masyarakat dan pembangunan negara.

Oleh itu, jika institusi keluarga kukuh, maka kukuhlah masyarakat dan negara. Sebaliknya, jika keluarga runtuh, maka pelbagai masalah sosial akan mudah menular dalam masyarakat.

Perlu diingat, berbuat baik kepada keluarga bukan sekadar pilihan, malah ia adalah sebahagian daripada tuntutan agama yang harus dilaksanakan dengan cinta dan tanggungjawab.

Dengan menjaga amanah ini, kita bukan sahaja memperoleh kebahagiaan di dunia, malah juga mendapat keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak.

سوره سوري

تکوه دالم تگکوغجواب، امانه دالم برخدمت

شَيْءٍ أَنْقَلُ فِي مِيزَانِ الْمُؤْمِنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ خُلُقٍ حَسَنٍ، وَإِنَّ اللَّهَ لَيُبْغِضُ الْفَاحِشَ الْبِذْيَةَ. مقصودن: تيدق اد سسواتو يغ ليه برت دالم تيمغن (عملن) ساورغ مؤمن قد هاري قيامه سلاين درقد اخلاق يغ بايك. دان سسوغكوهن الله ممبجي اورغ يغ بركات كجي دان برسيف بوروق. {حديث رواية ترمذي}

سسوغكوهن اومت اسلام دديديق اكر سنتياس مغممكن صفة-صفة ترفوجي سقرتي جوجور دالم تيندن، اخلاص دالم نية، صبر دالم مهادتي جابرن دان امانه دالم ستياف تگکوغجواب يغ دفكغ. ليه-ليه لاكي باكي مريك يغ ديريكن امانه اونتوق برخدمت دالم بيدغ كسلامتن دان مليندوغي ياوا سقرتي اغكوتا جابتن بومبا دان فيلامت. ستياف تيندن سام اد كنيك مادم كباكرن، ميلامكن ياوا اتاو مليندوغي هرتا بندا، سموان اداله امانه يغ بوكن هان ميري كسن ددنيا، ماله اكن دفرهيتوگن داخيرة كلق. مك لفسناكله ستياف كرجا دان توگسن دغن فنه راس امانه دان تگکوغجواب.

جماعه يغ درحمي الله،

الحمد لله، جابتن بومبا دان فيلامت تله منجافاي اوسيا فنبوهنن يغ ك-٦٦ قد تاهون اين. فنجافاين اين بوكن سقدر اغكا، تئاي مروفاكن لامبغ كقد فرجانن فنجغ يغ سارت دغن فغوربانن دان فرجواغن. إي منجرمينكن كتابهن جيوا، كسوغكوهن يغ تيدق قرنه لونتور سرتا كاخلاصن سلوروه وركان دالم منونين امانه يايك منجك كسلامتن ياوا، هرتا بندا دان كسجهتران مشاركت دسلوروه نكارا.

سلاما ليه اتم ديكد، جابتن اين تله منجادي انتارا توغكق اوتام دالم ممستيكن مشاركت هيدوف دالم كادان سلامت، برسديا دان برادي تاهن مهادتي قلباكي بنتوق بنجان دان كجمنن. سموا كجايان اين تيدق موغكين داقت درايه تنفا سماعت كرجا برفاسونق، دديكاسي يغ تيغكي سرتا نيلاي امانه يغ سنتياس دقيلهارا دان دعملكن اوليه فارا اغكوتا دستياف ثريغكت.

باكي منظاهيركن راس فغهركان اوس سومبغن دان فغوربنن بسر وركا جابتن بومبا دان فيلامت، ماريله كيت سام-سام بردعاء كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، سموك سلوروه وركا جابتن بومبا دان فيلامت درقد باريسن هادقن هيغك كثرقيغكت فغوروسن سرتا كيت سموا ديريكن كقواتن اونتوق ملقسناكن ستياف توگس دان تگکوغجواب دغن امانه دان كاخلاصن. سموك ستياف لغكه دان اوسها كيت سنتياس براد دالم ليمشهن رحمة، يميمغن سرتا عناية الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمين يا رَبِّ الْعَالَمِينَ.

واهاي اورغ-اورغ يغ برلمان! جاغله كامو مغيانتي الله دان رسولن، دان جاغله كامو مغيانتي امانه-امانه (يغ دامانهن كقد) كامو سدغ كامو مغيهوي. {سورة الأنفال آية: ٢٧}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَقَعْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّابِينَ.

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوي له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دغن منيغكتن كيمانن كقدن. سسوغكوهن اورغ يغ فاليج مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت ايله اورغ يغ فاليج برتقوي. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغيغتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيان دان كسلامتن دنيا دان جوك داخيرة.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى بفرمان دالم سورة البقرة آية ١٥٥:

دان سسوغكوهن كامي فسني اكن مغيجي كامو دغن سديكيت فراسان تاكوت دان كلاقرن دان ككورغن هرتا بندا دان جيوا دان بواه-بواهن (كران كامي هندق مليهت سام اد كامو صبر اتاو تيدق اوس اوجين ايت). دان سمقيكله بريتا كمبيرا كقد اورغ-اورغ يغ صبر.

جماعه يغ درحمي الله،

ستياف انسان فسني اكن بردغن دغن اوجين دان دوكان. دمكيله سُنَّةُ اللَّهِ يايك قراتورن دان كتغن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يغ برلاكو دالم كهيدوفن مانسي. سباكاي اومت اسلام، كيت دديديق اكر منيما اوجين دان دوكان ايت دغن فنه كصيرن دسميغ تروس تكوه دالم كيمانن كقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. صبر بوكن برارتي له اتاو ميره كاله، بهكن صبر ايله كقواتن جيوا يغ منجاديكن سساورغ ايت تنف تكوه داتس كيرن.

سسوغكوهن مصيبه يغ داتغ دالم قلباكي بنتوق سقرتي كمالغن، بنجبر، تانه روتوه، كماراو، كباكرن دان ساومقامن بوكله سقدر بنجان اتاو ملافتاك سمات-مات. دالم فندغن اسلام، مصيبه بوليه منجادي اوجين، قرايغن، قغهافوس دوسا دان جوك رحمة يغ مغاندوغي حكمه درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى كقد همبا-همبان. قد كادان ترنتنو، مصيبه جوك بوليه منجادي تكورن ترهادف كلالاين مانسي. اوليه ايت، ستياف مصيبه هندقله دهادتي دغن فنه كيمانن، كصيرن دان محاسبه اكر كيت كمبالي برهارف كقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، برسره ديري كقدن، سرتا تروس ممقربايكي كهيدوفن دالم كادان سوسه ماهوفون سنغ.

دالم مهادتي مصيبه دان دتيق-دتيق سوكر سقرتي يغ سدميكن اين، جابتن بومبا دان فيلامت ممانين قرانن يغ امت فنتيغ. توگس اوتام مريك بوكن سكاكر مادم كباكرن، بهكن ممبتو دالم ميلامكن ياوا سرتا منديديق مشاركت تنغ لغكه كسلامتن، ميباست فونجا كجادين سرتا مرايغ تيندن اول دان فنجكهن بنجان. سسوغكوهن فارا اغكوتا بومبا اداله ويرا باريسن هادقن يغ جكل دان تابه، سنتياس برسديا دالم قلباكي سيتواسي كجمنن ترماسوق بنجان عالم، كمالغن جالن راي دان اوقراسي ميلامت يغ منونتوت كبرانين، كصيرن دان فغوربانن يغ تيغكي دمي كسجهتران مشاركت دان جوك نكارا.

جماعه يغ درحمي الله،

اكام اسلام منجاديكن اخلاق موليا سباكاي اساس فنتيغ دالم ستياف اسفيك كهيدوفن، تراوتامن دالم ملقسناكن توگس، مميكول تگکوغجواب دان منجاننن فكرجان. درقد اَبُو الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: مَا

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَفَرَّجَ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقَضَى بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالَ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى إِلَيْهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أُبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأُبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempatan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2025 /
NAU / AF / TA / 1002
Pembelian Kelengkapan Perabot
Bagi Kegunaan Cawangan
Markas Kumpulan Latihan,
Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:

BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah seminggu sebelum
tarikh tutup tawaran, iaitu
**Selasa,
9 Jun 2026.**

Tarikh

Tutup Tawaran:

Selasa
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

Pemberitahuan Tawaran
Kementerian Pertahanan

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2026 / NAU /
LOG / TA / 1001
Pembelian Perabot Bagi
Kegunaan Makmal Dan Pejabat
P3st Di Penanjong Garison

Tarikh Mula Tawaran :

11 Mei 2026

Yuran Tawaran:

BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 9 Jun 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
16 Jun 2026
2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGANPemberitahuan
Sebut HargaBilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:

IKAN / 78(Q) / 0007 / 2026
Annual Maintenance And
Service For The Equipment Of
The Marine Mooring With Floating
Buoys At Commercial Fishing
Vessel Anchorage Area,
Department Of Fisheries

Yuran Sebut Harga:

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup
Sebut Harga :

Khamis
21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNANBilangan dan
Tajuk Sebut Harga:

01 / 2026 / 2027
Membekalkan Perkhidmatan
Jamuan Secara Berkontrak Bagi
Mesyuarat, Jerayawara, Dialog,
Majlis dan Aktiviti-Aktiviti Yang
Dikendalikan Oleh Jabatan
Perancang Bandar dan Desa
Mulai Mei 2026 Hingga
Februari 2027 Bagi Tahun
Kewangan 2026 / 2027

Tarikh Buka:

Sabtu,
2 Mei 2026

Tarikh Tutup dan
Tempat Penghantaran:

Sabtu,
16 Mei 2026,
sebelum jam 2.00 Petang

Harga Yuran:

BND5.00
(Tidak dikembalikan)

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKANBilangan dan
Tajuk Tawaran :

(32) JBS / ADM / QC / 2026
Supply and Install of On-Grid
Solar Photovoltaic System at
Jerudong Sports Complex

Bilangan dan
Tajuk Tawaran :

(33) JBS / ADM / QC / 2026
Supply, Replace and Install New
Carpet VIP Area, Dar Intishar,
Kompleks Sukan Jerudong,
Jabatan Belia dan Sukan

Bilangan dan
Tajuk Tawaran :

(34) JBS / ADM / QC / 2026
Service and Repair of 25HP
Diving Pool Pumps at National
Swimming Pool, HBNSC

Bilangan dan
Tajuk Tawaran :

(35) JBS / ADM / QC / 2026
Pembelian Kamera Baharu
Jabatan Belia dan Sukan

Bayaran Yuran Tawaran :

BND5.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh
Tutup Tawaran :

Khamis
21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong -
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek :

03 / BBS / SH / 2026 – 2027
Drainage Cleaning Works At
Jalan Maulana
(Opposite Dewan Santap),
Kuala Belait

Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek :

04 / BBS / SH / 2026 – 2027
Complete Removal Of Four (4)
High Mast Lighting
Power Distribution And Control
Systems At Padang Bandaran,
Jalan Sultan,
Kuala Belait

Kategori :

E01 – Electrical Wiring Installation
(04 / BBS / SH / 2026-2027)

Kelas :

Kelas 1
(04 / BBS / SH / 2026-2027)

Yuran Tawaran :

BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa
26 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran :
1.1 / BBS / SH / BPL / 2026-2027
Supply And Delivery Of Cleaning
Materials

Bilangan dan Tajuk Tawaran :
2.1 / BBS / SH / BPL / 2026-2027
Supply And Delivery Of Hardware
Items For Jabatan Bandaran
Kuala Belait And Seria

Bayaran Yuran Tawaran :

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa
26 Mei 2026

PUSAT PEKERJAAN BRUNEI
JABATAN PERDANA
MENTERIBilangan dan
Tajuk Tawaran:

PPB / QTN / JK / 2026 / 01
Provision Of Event Management
Consultancy And Creative Design
Services For Jelajah Kerjaya 2026

Bilangan dan
Tajuk Tawaran:

PPB / QTN / AAU / 2026 / 01
Supply, Fabrication And
Installation Of Counter At Pusat
Pekerjaan Brunei

Bilangan dan Tajuk Tawaran:

PPB / QTN / AAU / 2026 / 02
Renovation And Repair Works Of
Security Post, Janitor Room And
Store At Pusat Pekerjaan Brunei
(PPB) Building

Yuran Tawaran:

BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan
dibayar melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran

Rabu,
6 Mei 2026

Tarikh Tutup:

Rabu,
20 Mei 2026
9.00 Pagi

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:

JKP / SH / 2026-2027 / 08

Tajuk Tawaran:

Procurement And Supply
Of Brunei Cultural Items
For The Asean Korea Centre

Tarikh Tutup
Tawaran:

Khamis,
14 Mei 2026,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

JKP / SH / 2026-2027 / 09
Supply And Delivery Of Mesra
Lapel Pin Badges

Tarikh Tutup:

Khamis
21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Tawaran:

BND10.00
(Tidak Dikembalikan) -
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
(36) PSD / QTN / 2026 – (PHARM)
Subscription To Medicine Information Database For Department Of Pharmaceutical Services

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

DSS / AQ / PROC / B50K / 2026-2027 / 007 (ADM)
To Supply And Deliver Purified Helium For Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
(09) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / OT
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Tabletop Sterilizer, For Operating Theatre, RIPAS Hospital

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
(37) PSD / QTN / 2026 / ESTET – (RIPASH)
Supply, Fabrication And Installation Of Aluminium Assembly Point Signage At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
BME / A2K / (1654) / 2026 / HTD (B8)
To Repair And Supply Spare Parts For Two (2) Units Of Electric Bed, Brand: Hillrom, Model: HR-405 At Ward 31 WCC RIPAS Hospital

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
322 / CPC / 2026 / IKLAN / HEALTH
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning One (1) Unit Of Spirometer Machine For Occupational Health Division, Department Of Environmental Health Services, Ministry Of Health

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :
PPM / PROC / 2026 / <50K/025(MIC) - IKN
To Supply And Deliver Gram Stain Reagents For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage (Clustering)

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran :



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Makluman Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0105
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect Kuala Lumpur, Malaysia

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0205
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect Hanoi, Vietnam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0305
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Singapore

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0405
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Hongkong

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0505
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Taipei, Taiwan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0605
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, New Delhi, India

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0705
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Beijing, Republic Of China

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0805
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Canberra, Australia

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0905
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Tokyo, Japan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 1005
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Moscow, Russia

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 1105
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Geneva, Switzerland

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 1205
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Jeddah, Saudi Arabia

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 1305
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Rabat, Morocco

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 1405
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Cairo, Republic Of Egypt



Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
20 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
02 / MAR / 2026 / KKBS / PJK / 16.14 (7)(R)
Three (3) Years General Term Maintenance For PABX System At Ministry Of Culture, Youth And Sports Building, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
21 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.


**INSTITUT PENDIDIKAN
TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Iklan Jawatan-Jawatan Kosong
Dalam Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam

Bahagian Sumber Manusia

Pengiklanan Jawatan Menurut
Peraturan 7 (A) Gaji Hari

Alamat :
Kaunter Human Resource &
Administration,
Tingkat I,
Bahagian Sumber Manusia,
Ibu Pejabat IBTE

Iklan Adalah Dibukakan Kepada
Orang Ramai

Pegawai Pendidikan (PG.3)
Institut Pendidikan Teknikal
Brunei
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

E-mel :
recruitment@ibte.edu.bn

No Tel :
+673 2425555

Tarikh Iklan:
11 Mei 2026

Permohonan adalah secara online
di laman sesawang:

Tarikh Tutup Permohonan:
25 Mei 2026

<https://recruitment.ibte.edu.bn>

Bilangan Iklan:
2026 / TP / II / PP

Sebarang pertanyaan boleh
dikemukakan kepada Institut
Pendidikan Teknikal Brunei
seperti berikut:

Bahagian :
Unit Pengambilan,


**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

JPt / SH / 14 / 2026-2027
To Supply And Deliver Of General
Pest Control Services For
Veterinary Laboratory Services
For 12 Months

JPt / SH / 15 / 2026-2027
Relocation Of Existing USTNT
Laboratory Equipments To New
Laboratory In Brunei Agricultural
Research Centre, Kilanas

JPt / SH / 16 / 2026-2027
Perkhidmatan Analisa Mikrobiologi
Dan Kimia Bagi Produk Makanan
Di Bawah Program Pemantauan
Produk Agrimakanan
(Keselamatan Makanan)

JPt / SH17 / 2026-2027
Flood Simulation Research At
KKP Tungku A

JPt / SH / 18 / 2026-2027
Kerja-Kerja Mengganti Cold
Storage Unit 1 Di Stor Pusat
Pertanian Mulaut Jabatan
Pertanian Dan Agrimakanan

Yuran Sebut Harga:
BND7.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis
4 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Sebarang pertanyaan bolehlah
menghubungi melalui talian
5221266

Kampung-Kampung Tadahan
Jawatan Kosong Ketua
Kampung Lepong Baru,
Mukim Bokok,
Daerah Temburong

1. Ketua Kampung Lepong
Baru, Mukim Bokok
- Kampung Lepong Baru
- Kampung Lepong Lama
- Kampung Semabat
- Kampung Temada
- Kampung Kenua


**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2026-2027 / 02
Pembekalan Toner bagi Mesin
Pencetak LEXMARK CS622DN

Mesin Pencetak :
LEXMARK CS622DN

**Keterangan Pembekal
dan Unit Diperlukan:**
Toner

Toner :
Black Extra High Yield 8.5K Pages
78C3XKO : 8 pcs
Yellow Extra High Yield
78C3XY0 : 7 pcs
Magenta Extra High Yield 5K
Pages 78C3XM0 : 7 pcs
Cyan Extra High Yield 5K Pages
78C3XC0 : 7 pcs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
12 Mei 2026
Jam 2.00 Petang



**Jabatan Audit
Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran :**
AUD / BPK / UTM / Q&T /
2026-2027 / 01
Pembekalan Toner Dan Drum
Bagi Mesin Pencetak Brother
HL-L2370DN Dan Brother
HL-L2385DW

Mesin Pencetak :
Brother HL- L2370DN
Dan Brother HL- L2385DW

**Keterangan Pembekal
dan Unit Diperlukan:**
Toner TN-2484
(Yield : 4,500 Pages) – 50 pcs
dan Drum DR-2455
(Yield:12,000 Pages) – 18 pcs

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
19 Mei 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri

Negeri dengan sukacitanya
mempelawa dan menjemput
penduduk-penduduk yang
bermastautin di Daerah
Temburong khususnya
Kampung Lepong Baru,
Kampung Lepong Lama,
Kampung Semabat,
Kampung Temada dan
Kampung Kenua
bagi mengisikan jawatan
sebagai Ketua Kampung
Lepong Baru,
Mukim Bokok.

Jawatan Kosong Sebagai

Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)

atau

Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)

atau

Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)

bagi

Daerah Temburong

Kampung Lepong Baru,
Mukim Bokok

Adalah dimaklumkan bahawa
Jabatan Daerah Temburong,
Kementerian Hal Ehwal Dalam


**JABATAN
KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 06

Tajuk Sebut Harga:
Appointment Of An Agency
For Conducting, Monitoring,
And Managing Mystery
Shopper System Under
The Nationwide Mesra Campaign

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Khamis,
14 Mei 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
*Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian*


**JABATAN
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 10 / 26-27
Supply And Delivery Of Audio And
Video Converters For TV Studio

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 11 / 26-27
Supply And Delivery Of Broadcast
Camera And Accessories For
ENG Unit

Bayaran Yuran :
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu, 13 Mei 2026,
jam 2.00 Petang





IMBASAN MINGGUAN



SUASANA di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei semasa para keluarga jemaah haji yang hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada keluarga mereka bagi menunaikan ibadah haji pada tahun ini. - Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said.

SEBAHAGIAN petugas semasa menjalankan tugas pemeriksaan pasport para jemaah haji Negara Brunei Darussalam sebelum berlepas meninggalkan negara. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



PERSEMBAHAN khas daripada Pasukan SATREA (Special Technical Rescue Assistance) yang mempamerkan beberapa demonstrasi kepakaran menyelamat sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertempat di Padang Kawad, Ibu Pejabat JBP, Berakas. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



PARA pelajar Maktab Anthony Abell, Seria semasa mengikuti Taklimat Kenali ASEAN bertujuan untuk membarigakan mengenai ASEAN dan menyuntik semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. - Foto : Azmah Haji Ahad.

ORANG ramai ketika berkunjung ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) membuat pembelian pelbagai jenis bahan buku-buku sempena Sambutan Hari Buku Sedunia 2026 berlangsung di Balai Samayuda DBP. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

KELUARGA MERUPAKAN ASAS PEMBENTUKAN MASYARAKAT BERIMAN, BERAKHLAK, HARMONI

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin



PARA hadirin yang mengikuti Program Masjidku Makmur, Negara Berkah yang telah mengambil tempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di Bandar Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Kejayaan sebenar bukan hanya diukur melalui harta dan anak-anak tetapi kemampuan memimpin keluarga ke arah kehidupan yang diberkati dan direzki oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Demikian antara yang ditekankan dalam Tazkirah Subuh, baru-baru ini bertajuk 'Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei : Satu

Harapan' pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkah bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Ugama di Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Abdul Mu'iid bin Hariel itu

juga menekankan mengenai nilai teras kekeluargaan sebagai fitrah sejagat yang diperkukuhkan

melalui ajaran Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merangkumi nilai kasih sayang, tanggungjawab, hormat-menghormati dan sikap pemedulian.

Menurut Awang Abdul Mu'iid, Islam sangat menitikberatkan institusi keluarga melalui penerapan nilai kasih sayang, tanggungjawab, hormat-menghormati dan sikap pemedulian sebagaimana yang digariskan dalam Al-Quran dan hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Penekanan diberikan kepada konsep kejayaan keluarga yang tidak terhad kepada pencapaian material semata-mata. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam (NBD), nilai kekeluargaan masih terpelihara namun memerlukan pengukuhan berterusan. Komunikasi berkesan diketengahkan sebagai elemen utama dalam membina keluarga yang bahagia, harmoni dan bernilai," katanya lagi.

Justeru, tambahnya, tajuk yang diketengahkan itu menekankan bahawa keluarga merupakan asas pembentukan masyarakat yang

beriman, berakhlak dan harmoni.

Awang Abdul Mu'iid turut menjelaskan bahawa ibu bapa memainkan peranan besar dalam mendidik anak-anak kerana keluarga ialah madrasah pertama dalam kehidupan seseorang.

Selain itu, jelasnya lagi, cabaran keluarga masa kini seperti pengaruh media sosial, kurang komunikasi dan tekanan hidup yang boleh menjejaskan keharmonian rumah tangga.

Beliau menyeru agar masyarakat di NBD untuk terus memelihara budaya kekeluargaan yang baik melalui komunikasi yang lembut, saling menasihati, bersabar menghadapi ujian dan kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap cabaran kehidupan.

Terdahulu, Program Masjidku Makmur, Negara Berkah dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah. Adapun ia diunggayahkan dengan tujuan untuk mengajak umat Islam di negara ini agar memakmurkan masjid melalui amalan beribadah secara berjemaah, pengajian ilmu dan pelaksanaan aktiviti keagamaan.

Selain membentuk



PEGAWAI Ugama di Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Awang Abdul Mu'iid bin Hariel ketika menyampaikan tazkirah.

masyarakat yang berdisiplin, bertanggungjawab serta saling menghormati, program ini juga berperanan menanam rasa cinta terhadap masjid sebagai rumah Allah.

Selain itu, untuk memupuk semangat Negara Zikir dan Negara Berkah melalui penghayatan ajaran Islam dalam kehidupan seharian, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara berasaskan nilai-nilai Islam.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

59 pain darah berjaya dikumpul

BERAKAS, Ahad, 10 Mei. - Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan telah berjaya mengumpulkan 59 pain darah daripada 77 orang pendaftar yang berlangsung

pada pukul 9.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Dewan Serbaguna JBP, Landasan Lama Berakas, baru-baru ini.

Kempen tahunan ini bertujuan untuk membantu menambah bekalan darah di Hospital Raja Isteri Pengiran

Anak Saleha (RIPAS), di samping meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya menderma darah sebagai satu langkah yang mampu menyelamatkan nyawa. Tambahan lagi, aktiviti menderma darah turut memberi manfaat kesihatan

kepada penderma.

JBP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital

RIPAS atas kerjasama padu dan dedikasi yang diberikan serta kepada semua penderma yang telah turut serta menjayakan kempen di Daerah Brunei dan Muara ini.



KEMPEN tahunan ini bertujuan untuk membantu menambah bekalan darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di samping meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya menderma darah sebagai satu langkah yang mampu menyelamatkan nyawa (atas dan bawah).



Bersama meningkatkan bekalan darah negara

TARIKH & MASA PENDAFTARAN	TEMPAT
Isnin 11 Mei 2026 8.30 pagi hingga 11.30 pagi & 1.30 petang hingga 3.30 petang	Lobi 5, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Sempena Hari Talasemia Sedunia Anjuran Unit Hematologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
Selasa 12 Mei 2026 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Lantai Bawah, Aman Hills Shopping Centre, Jalan Aman, Kg. Manggis
Rabu 13 Mei 2026 9.00 pagi hingga 11.30 pagi & 1.30 petang hingga 3.30 petang	Auditorium Tingkat 1, iCentre Anggerek Desa Tech Park, Simpang 32-37 Anjuran SHENA
Khamis 14 Mei 2026 9.00 pagi hingga 11.00 pagi & 1.30 petang hingga 3.30 petang	Bilik VIP, Kompleks Penyiaran RTB Sungai Akar Sempena Sambutan Ulang Tahun Perkhidmatan Radio Brunei ke 69

■ **Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah di beberapa tempat di negara ini.

Jadual Kempen-kempen Derma Darah seperti yang

tertera dalam gambar rajah.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai juga dialu-alukan untuk datang

terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada hari-hari bekerja bermula 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

OPERASI USAI 102/2026 PASTIKAN AKTA PEKERJAAN DIPATUHI MAJIKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



OPERASI Usai 102/2026 di kawasan Kampung Jerudong pada 18 April 2026.

BANDAR SERI BEGAWAN, Penguatkuasaan Undang-undang, Sabtu, 9 Mei. - Bahagian Jabatan Buruh telah menjalankan

Operasi Usai 102/2026 di kawasan Kampung Jerudong pada 18 April 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan (Penggagal 278) dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan yang berkaitan dengan perusahaan penginapan telah mendapati sebanyak lima kesalahan di bawah Akta Pekerjaan (Penggagal 278) yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap beberapa pekerja tempatan dan asing, iaitu Bab 10, pekerja tidak disediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis; Bab 44, membuat pemotongan gaji yang bertentangan dengan Akta Pekerjaan, Penggal 278; Bab 70, majikan gagal memberikan Cuti Hari Kelepasan Awam yang diwartakan; Bab 70(1)(c), majikan

gagal membayar kadar asas gaji sehari atau menggantikan Cuti Hari Kelepasan Awam pada hari lain apabila Cuti Hari Kelepasan Awam berkenaan jatuh pada hari rehat; dan Bab 71, majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja.


Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, (Penggagal 278), jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, (Penggagal 278)

seperti majikan hendaklah menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis yang ditandatangani oleh majikan dan pekerja, majikan hendaklah membuat pemotongan gaji yang selaras dengan kehendak undang-undang, memberikan Cuti Hari Kelepasan Awam yang diwartakan, jika Cuti Hari Kelepasan Awam jatuh pada hari rehat maka majikan hendaklah membayar kadar asas gaji sehari atau menggantikan Cuti Hari Kelepasan Awam pada hari lain dan memberikan cuti tahunan berbayar setelah tiga bulan berkhidmat.

Untuk maklumat lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh melalui talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

Sentiasa pantau hal ehwal kebajikan pekerja



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang - Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 113/2026 di Kampung Delima Satu pada 5 Mei 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan menjual perabot telah mendapati sebanyak sembilan kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap pekerja tempatan

dan pekerja asing iaitu Bab 70, Majikan gagal memberikan Cuti Hari Kelepasan Awam yang diwartakan, Bab 71, Majikan gagal memberikan cuti tahunan berbayar kepada pekerja-pekerja, Bab 72, Gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan, Bab 82, Majikan gagal menyediakan alat pertolongan cemas, Bab 112(1), Menggaji pekerja asing tanpa Lesen dari Pesuruhjaya Buruh yang mana majikan didapati menggaji pekerja asing jaminan syarikat lain dan 04 kesalahan di bawah Bab 112(2),

Majikan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing, pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan iaitu pekerja berjawatan buruh kedai melakukan pekerjaan sebagai pembantu jurujual dan pekerja yang dijamin ditempatkan bukan di alamat yang diistiharkan ke Jabatan Buruh serta kegiatan bercampur dengan kegiatan lain, manakala syarikat lain yang didapati gagal memberikan pekerjaan pekerja yang dijamin.

Siasatan lanjut akan dijalankan



OPERASI Usai 113/2026 di Kampung Delima Satu yang telah dijalankan baru-baru ini telah mendapati sebanyak sembilan kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap pekerja tempatan dan pekerja asing (kiri dan atas).

bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti memberikan Cuti Hari Kelepasan Awam yang diwartakan, memberikan cuti hari tahunan berbayar, memberikan cuti sakit berbayar yang disahkan oleh

pengamal perubatan, majikan tidak dibenarkan menggaji pekerja jaminan syarikat lain, pekerja-pekerja hendaklah melakukan pekerjaan selaras dengan jawatan yang dibenarkan, menempatkan pekerja di tempat yang diistiharkan ke Jabatan Buruh, kegiatan yang dijalankan tidak bercampur dengan kegiatan lain dan pekerja yang dijamin hendaklah diberikan pekerjaan.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon


1

2

Bahagian	Status	1 Unit Perseh
+	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
+	PROSES PERAKLIAN	00
+	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	00
+	TIDAK HADIR	00
+	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	00
+	PEMOHON DITERIMA	00

3

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



جاوي منجادي واسيله فنتيغ اونتوق فنيبارن علمو، فنوليسن اكام دان فرهبوونن رسمي. د نكارا بروني دارالسلام، توليسن جاوي فرنه منجادي نادي فركمبغن بهاس ملايو سكييتار ابد كليما بلاس هينككا ابد كدلاقن بلاس، بوكن سهاج دالم اوروسن اكام تنافي جوگ دالم فنتديبيرن دان فرهبوونن ديقولومتيك.

ككواتن تراديسي جاوي د بروني جوگ داقت دليهت ملالوي فنيشككن سفرتي باتو نيسن، اينسكريفسي دان دوكونم اوال، يغ منونجوقكن فرانن توليسن سباكاي بوكتي مادي ترهادف فركمبغن اسلام. دالم ايرا مودن، فرمتبتن جاوي دتروسكن ملالوي فغكونان فد فافن تاغن، نام بگونن، كفاللا سورات رسمي دان برياكاي دوكونم ترنتنو. سلاين ايتو، فقاجرن جاوي دالم فنديديقن اكام دان اوساها اينستيتوسي بركاءيتن تله مهبنتو مكالكن كدودوقن جاوي سباكاي واريشن يغ هيدوق.

نامون، كلغسوغن توليسن جاوي جوگ دفقاروهي اوليه تهاف فقواسان دان سيكف كتراسي مودا. اوليه ايتو، فقوكونن لاتيهن، فنددهن استيتيكا ملالوي سني خط، سرنا ايناواسي دالم كاعده فقاجرن، ترماسوق فامرن، فرتندغن دان فقكونان تيكولوكي، واجر دفرتيغكتكن اكر جاوي ككل ريلفن سباكاي ايدنتيتي نكارا دان خزانه اسلام د بروني دارالسلام.

سني خط مروفاكن لمبغ كسنيين اوغكول تمدون اسلام يغ مفاكبوغكن فوغسي فنوليسن دغن نيلاي استيتيكا. فركمبغن دفاچو اوليه كفلوان فندوكومنتاسين وحي، فنيبارن علمو دان فمفتن فرهبوونن مشاركت اسلام، هينكك ملاهيركن فلباكاي كايا فنوليسن يغ ممقوپاي چيري دان فوغسي ترسنديري.

دالم كونتيكس بروني دارالسلام، هوبوونن سني خط دغن توليسن جاوي مفرليهتن فرانن توليسن سباكاي واسيله اكام، فنديديقن دان ايدنتيتي نكارا. اوليه ايتو، اوساها مميليهارا دان مفركمبغن سني خط سرنا جاوي واجر دلاكسكن سچارا برتروسن ملالوي فنديديقن، لاتيهن، فامرن، دان ايناواسي اكر واريشن اين ككل ريلفن سرنا دهركاي اوليه كتراسي ماس كيني دان اكان دانغ.

تراديسي اوال فنوليسن خط سرينك دكاييتكن دغن كواسن كوفه د عراق قد ابد كتوكوه مسيهي، يغ كمدين ملاهيركن توليسن كوفي سباكاي انتارا كايا يغ دومينن قد فاسا اوال. دالم ايرا فمرينتهن اماويه، توليسن عرب مقالامي فمهبيايقن ملالوي فغانن تندا تيتيق دان تندا بريس باكي مهودهن فمباچان. قد ماس يغ سام، سني خط مولا ديمنافعكن دالم سني بينا دان هياسن، ترماسوق اوكيرن قد مسجد دان بگونن.

قد زمان عباسياه، ديسيقلين فنوليسن خط سمكين ترسوسون دغن كمنوجولن توكوه دان اينستيتوسي يغ مفاغكت كدودوقن فنوليس خط. فمفتن كاعده اوكران حروف دان فروقورسي جوگ منجادي انتارا فاكور فنتيغ يغ مفركاي قارياسي كايا فنوليسن. انتارا توكوه يغ سرينك دكاييتكن دغن فمفتن اساس اوكران ايله ابن مقله، يغ مهبنتو موجودكن فباوايان بنتوق حروف دان كومفوسيسي توليسن.

سني خط ممقوپاي فلباكاي كايا فنوليسن يغ بريدا دري سكي ستركتو، فوغسي دان فقكونان رواغ. انتارا يغ مشهور ايله خط ثلث، خط نسخ، خط رقعة، خط ديواني دان ديواني جلي، خط كوفي دان خط فارسي. كفلباكايان اين لاهير درقد كفلوان يغ بريدا، سامادا اونتوق فبالينن تيكس، اوروسن رسمي اتاو هياسن، دي سمقيغ فركمبغن استيتيكا دان تيكنيك فنوليسن.

- خط ثلث برصيفت ديكوراتف دان سسوي اونتوق هياسن رواغ بينا، سرنا منونوت كاهيرن تيشكي دري سكي لغكوغن دان كومفوسيسي.

- خط نسخ كمس دان موده دباچا، بايق دكوناكن اونتوق فبالينن مصحف دان تيكس علمي.

- خط رقعة رينكس دان فراكتيس اونتوق فنوليسن فنتس، لازيمينن تندا بريس دان بايق ديكوناكن دالم اوروسن هاريان.

- خط ديواني دان ديواني جلي برچيري مفلقكوغ، برتديه دان برسوسون، لازيمن دالم كونتيكس هياسن دان دوكونم ترنتنو.

- خط كوفي انتارا بنتوق تراول، برصيفت جيومتريك دان سرينك دكوناكن دالم ريكا بنتوق هياسن، اوكيرن دان سني بينا.

- خط فارسي چوندونك دان مفعجغ، بايق دكوناكن دالم كريبه ساسترا دان فرابدن توليسن د بربراقا كواسن.

سني خط بركاءيت راقت دغن توليسن جاوي، ياييتو اكسارا عرب يغ دسوايكن اونتوق بهاس ملايو د كفلوان ملايو. دالم سچارا فركمبغن اسلام د رنتاو اين،



سني خط: سني كاوغكولن مشاركت اسلام

Oleh : Wafi Rahim, dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Wafi Rahim

فنوليسن معناني سني خط لازيمنن ددكاتي ملالوي دوا جالور اوتام، ياييتو اسفيك سچارا دان ايؤولوسي توليسن عرب، سرنا اسفيك استيتيكا دان كاعده فنوليسن يغ مهبنتوق ديسيقلين كاليكرافي. دالم كاجين بركاءيتن كتهدون اسلام، سني خط سرينك دكاييتكن دغن فوغسي فنوليسن القرآن، فنتديبيرن دان فنيبارن علمو، سكالي كوس منجلسكن مفاقا فمهبيايقن بنتوق توليسن، تندا بريس دان تيتيق اغكف فنتيغ دالم سچارا كبودايان اسلام.

دالم كونتيكس عالم ملايو دان بروني، فنوليسن معناني توليسن جاوي منكنن فرانن جاوي سباكاي واسيله اكام، فنديديقن دان فرهبوونن رسمي. كاجين تمفتن جوگ منونجولكن بكايان فمركاسان جاوي دلاكسكن ملالوي داسر، اينستيتوسي دان فنديديقن، سرنا بكايان سيكف كتراسي مودا ترهادف جاوي مفاغره كلغسوغن واريشن ترسبوت. اوليه ايتو، مهامي سني خط دالم مقاله اين توروت مهرلكن فمهامان ترهادف كونتيكس سوسيو بودايا جاوي د بروني دارالسلام.

قد فرينككت اوال، فنوليسن خط دهاسيلكن مفاكوناكن الت توليسن يغ درونجيفغن هوجوونن سبلوم دچلوف كدالم دكوات، كمدين دتوليسن قد برياكاي بهان سفرتي كوليت، داون اتاو باهن سئوقامن. تيكنيك اساس اين منونجوقكن بهاوا سني خط برمولا سباكاي كفلوان فنوليسن، تنافي كمدين بركمبغ منجادي سني يغ منونوت كتيليتي اوكران، كسيبغن بنتوق دان كتيفتن كومفوسيسي.

فركمبغن اسلام تله مبري راغسغن بسر ترهادف بودايا منوليس كراهه فنوليسن منجادي چارا اوتام اونتوق فنوليسن القرآن خصوصن مندورونك فمهبيايقن بنتوق حروف دان كاعده فنوليسن باكي مميمستينن باچان دقليهارا دغن تيفت، ترؤتام اپايلا اسلام بركمبغ كاويلايه بوكن عرب.

سني خط ايله چايغ كسنيين اسلام يغ منظرهكرن كايندهان توليسن عرب ملالوي ديسيقلين بنتوق حروف، اوكران، دان كومفوسيسي. فركمبغن بركاءيت راقت دغن كفلوان فندوكومنتاسين وحي، فنيبارن علمو، سرنا فمبينان ايدنتيتي تمدون اسلام. مقاله اين منهورايكن كونسيغ دان لاتر فركمبغن سني خط، منتينجاؤ فاكور يغ مندورونك فمفتن كاعده فنوليسن، سرنا مهبنتوقن بربراقا جنيس خط اوتام يغ مشهور دالم تراديسي اسلام. دي سمقيغ ايتو، مقاله منلوسوري هوبوونن سني خط دغن توليسن جاوي د عالم ملايو، خصوصن د نكارا بروني دارالسلام يغ ماسي منكلشكن فقكونان جاوي دالم فنديديقن، فنتديبيرن دان روغ اوموم. فربنجغن اين منونجوقكن بهاوا سني خط بوكن سهاج برقصي سباكاي واسيله فنوليسن، ماله منجادي واهن استيتيكا، فنديديقن دان فمليهاران واريشن. اوليه ايتو، اوساها مفركوه فقهايتن، لاتيهن، دان ايناواسي دالم سني خط دان جاوي واجر دتروسكن اكر كلغسوغن ككل ريلفن دالم كونتيكس سماس.

سني ممقوپاي هوبوونن يغ راقت دغن كهيدوقن منوسيا كراهه سني لاهير درقد ايديا، فغلامن دان ايماجينايسي يغ كمدين دزاهيركن ملالوي فلباكاي واسيله سفرتي توليسن، اوكيرن، دان لوكيسن. دالم كونتيكس فرادبن، سني برفرانن سباكاي چرمينن نيلاي، فميكرن سرنا فنجافاين بودايا مشاركت يغ ملاهيركن.

خط فولا ايله سني توليسن يغ بركمبغ ملالوي اكسارا عرب، ترماسوق اداقتاسينن دالم توليسن جاوي د عالم ملايو. دري سودوت بهاس، استيله خط مروجوق كقد كاريسن، مناكالا دري سودوت كونسيغ، خط مهابوا مقصود كاريسن يغ دبوات سكرتور هينكك منغاصيلكن توليسن يغ اينده دان سيمبغ. مقاله اين مبري تومفوان كقد فركمبغن سني خط سباكاي سالا سالا كاوغكولن مشاركت اسلام، دي سمقيغ منلپتي فراننن دالم فمركاسان توليسن جاوي د نكارا بروني دارالسلام.



Kebahagiaan hidup berkeluarga berlandaskan nilai murni

Oleh : Norliah Md. Zain

Ilustrasi : Amdelah Haji Tujoh

KELUARGA ialah satu kumpulan manusia yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau penjagaan di mana para anggotanya tinggal dalam suatu tempat di bawah suatu rumah dalam keadaan saling memerlukan.

Ia merupakan unit terkecil dalam sesebuah masyarakat yang asasnya terdiri daripada orang tua dan anak. Orang tua tersebut sama ada secara berpasangan (sebagai suami isteri) ataupun tunggal, sama ada kerana kematian pasangan mahupun perceraian.

Keluarga merupakan asas kepada kesejahteraan, keamanan, dan kemajuan negara, serta memainkan peranan penting dalam pembentukan modal insan berlandaskan nilai kasih sayang, hormat-menghormati, tanggungjawab, dan nilai keagamaan yang teguh. Oleh itu keharmonian keluarga dalam masyarakat itu perlu terus dijaga agar fungsinya sentiasa berjalan dengan baik. Sistem keluarga itu berperanan penting dalam perkembangan sosial, ekonomi dan budaya sesebuah negara.

Menyedari kepentingan itu, Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) di Negara Brunei Darussalam (NBD) di sambut setiap tahun pada Ahad minggu pertama bulan Mei. Ia dihasratkan untuk memperkukuhkan institusi keluarga dan memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat.

NBD adalah sebuah negara yang amat mementingkan hidup berkeluarga berlandaskan nilai-nilai yang murni, kasih sayang, hormat-menghormati serta nilai-nilai keagamaan yang teguh. Kita menyedari institusi keluarga memegang peranan paksi dan teras dalam memperkukuhkan dan memantapkan lagi kesejahteraan dan kebajikan masyarakat, dan seterusnya, akan turut menyumbang ke arah keselamatan, keamanan, kemakmuran dan kemajuan negara.

'Keluargaku Harapanku' slogan Sambutan HKK dan dikenali semenjak tahun 2012, kali

ini menerapkan nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei : Sayang-menyayangi; Tanggungjawab; Hormat-menghormati; Pemedulian; 'SaTu HaraPan'.

Tujuan Sambutan HKK ialah untuk mengukuh dan meningkatkan kesejahteraan keluarga melalui usaha sama yang cekap dan berkesan ke arah melahirkan masyarakat yang berkualiti; meningkatkan kualiti kehidupan dalam berkeluarga serta mendidik generasi akan datang mengenai kepentingan institusi keluarga; dan membantu mencegah dan mengurangkan permasalahan kekeluargaan di negara ini.

Sambutan ini melibatkan pelbagai kementerian, agensi kerajaan, pihak swasta, NGO, sekolah, dan komuniti di peringkat mukim dan kampung, serta dianjurkan sepanjang tahun dengan aktiviti yang merangkumi semua generasi.

Kita bersyukur sambutan ini terus mendapat sokongan positif, telah menggalakkan serta dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan terutama sekali antara ahli-ahli keluarga yang jauh dan jarang berjumpa. Adalah sangat menggembirakan bilamana akhir-akhir ini pertemuan keluarga (*reunion*) secara besar-besaran dengan perisian aktiviti yang meriah untuk memupuk perpaduan dan keharmonian di antara setiap ahli keluarga yang terlibat.

Dari aspek ini bolehlah kita rumuskan bahawa pada amnya, Sambutan HKK berperanan dalam mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, pemedulian dan prihatin yang menyumbang kepada perpaduan dan kesejahteraan masyarakat kita bagi mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035.

Cabaran

Seperti jua di negara-negara lain, setiap keluarga akan sententunya berdepan dengan realiti kehidupan yang semakin mencabar dan kompleks, seperti isu sosial dan tekanan ekonomi. Masyarakat kita tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai cabaran yang disebabkan oleh kerapuhan institusi keluarga. Kes-kes perceraian, keganasan

rumah tangga, pengabaian keluarga dan warga tua, keruntuhan akhlak anak-anak seperti kanak-kanak yang lari dari rumah, serta sukar dikawal, merupakan manifestasi dari kelemahan institusi keluarga.

Oleh itu ingatlah, bahawa dengan keluarga, kita sebagai seorang individu mempunyai sokongan, dan bersama keluarga kita merasai setiap detik suka dan duka. Dan institusi keluarga merupakan salah satu landasan utama pembentukan identiti, nilai dan jati diri seseorang individu.

Memandangkan masalah sosial yang berbangkit dari kelemahan institusi keluarga, merupakan isu nasional, maka tanggungjawab bagi menangani masalah ini seawal dan sesegeranya perlu dipikul bersama.

Semua pihak sama ada secara kumpulan atau individu perlu berganding bahu dan bekerjasama bukan sahaja untuk merawat tetapi juga untuk mencegahnya. Untuk itu, Sambutan HKK merupakan salah satu mekanisme atau wadah pencegahan peringkat nasional yang boleh diguna pakai untuk mencerminkan penglibatan dan komitmen tinggi dari semua lapisan masyarakat termasuk sektor swasta melalui tanggungjawab sosial korporat (Corporate Social Responsibility) mereka. Ini juga adalah selaras dengan kaedah pendekatan keseluruhan negara dan masyarakat (Whole of Nation and Whole of Society Approach) selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Keberkatan

Dalam Islam, mendapatkan keberkatan dalam hidup berkeluarga adalah perlu yang mana ia bermula dari mencari dan memilih pasangan dengan mengutamakan kesempurnaan beragama dan berakhlak mulia. Memilih nama yang baik untuk anak merupakan satu doa untuk anak. Penerapan pendidikan agama terutama sekali ilmu Al-Quran dan ilmu Fardu Ain lainnya juga penting.

Melaksanakan ibadah secara berjemaah misalnya membaca Al-Quran dan mendirikan

sembahyang fardu lima waktu secara berjemaah boleh mendatangkan keberkatan. Saling mendoakan kebaikan untuk pasangan dan keluarga perlu sentiasa diamalkan. Bersyukur dan reda dengan pasangan akan menambah keberkatan dan keharmonian berkeluarga. Sentiasalah bersedekah dan membantu keluarga dalam kesusahan setentunya menambahkan keberkatan ke dalam keluarga.

Kesimpulan

HKK di NBD bukan sekadar sambutan tahunan, tetapi merupakan inisiatif strategik untuk memperkukuhkan institusi keluarga, memupuk nilai-nilai murni, dan menyokong pembangunan sosial dan ekonomi negara. Ia menekankan kepentingan keluarga sebagai asas kepada masyarakat yang sejahtera dan negara yang cemerlang.

Institusi keluarga menjadi asas penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi serta sistem sokongan utama individu. Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei adalah asas pembentukan masyarakat yang sejahtera. Marilah kita sama-sama 'sayang-menyayangi, bertanggungjawab, hormat-menghormati, dan memedulikan' setiap ahli keluarga kita.

Institusi keluarga yang kukuh adalah penting dalam mendukung pencapaian Wawasan Brunei 2035, khususnya Matlamat Kedua iaitu Kualiti Kehidupan Yang Tinggi, yang mana Memperkasakan Keluarga yang Penyayang, Kukuh dan Berdaya Tahan telah dikenal pasti sebagai Aspirasi 2 di bawah Social Blueprint, yang menekankan pentingnya institusi keluarga sebagai salah satu teras utama dalam membentuk masyarakat yang sejahtera.

Oleh itu, kita hendaklah berusaha untuk mengukuhkan institusi keluarga dan memastikan kesejahteraan keluarga kekal sebagai teras dalam perancangan pembangunan mampan negara. Ini juga akan menyokong hasrat untuk membentuk masyarakat Brunei yang berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Hargai kemudahan awam, tanggungjawab bersama



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SEMUA kemudahan ini bukan sahaja berfungsi untuk memeriahkan lagi keindahan bandar dan kawasan perumahan, bahkan turut memberi keselesaan kepada penduduk dan pengunjung untuk menjalankan aktiviti harian atau riadah.

BERAKAS, Sabtu, 9 Mei. - Setiap lapisan masyarakat di negara ini sememangnya tidak asing lagi dengan pelbagai kemudahan awam yang telah disediakan dengan teliti oleh pihak kerajaan.

Antaranya termasuklah Taman Persiaran yang indah, tandas awam yang bersih, tempat rehat, bangku taman, dan juga kemudahan sukan seperti trek jogging serta taman permainan kanak-kanak.

Semua kemudahan ini bukan sahaja berfungsi untuk memeriahkan lagi keindahan bandar dan kawasan perumahan, bahkan turut memberi keselesaan kepada penduduk dan pengunjung untuk menjalankan aktiviti harian atau riadah.

Contohnya Taman Persiaran di kawasan bandar seperti di Berakas, Kuala Belait, Temburong ataupun Tutong menyediakan ruang terbuka hijau yang amat diperlukan untuk kesihatan fizikal dan mental masyarakat.

Namun begitu, sejauh manakah kita sebagai pengguna menghargai segala kemudahan tersebut? Masih terdapat segelintir individu yang kurang bertanggungjawab dengan membuang sampah merata-rata, menconteng dinding tandas awam, merosakkan pokok

hiasan, atau bahkan mencuri komponen seperti paip air dan lampu taman.

Sikap tidak bertanggungjawab berkenaan bukan sahaja merugikan pihak berkuasa dari segi kos pembaikan yang tinggi, malah menyebabkan kesulitan kepada orang ramai yang lain.

Bayangkan sekiranya tandas awam di tepi pantai atau di perhentian bas sentiasa kotor dan rosak, pastinya ia akan mengundang penyakit dan memberi imej buruk kepada negara.

Oleh itu, kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat perlulah dipertingkatkan dari peringkat keluarga dan sekolah lagi.

Ibu bapa dan guru-guru sewajarnya menekankan kepentingan menjaga harta benda awam seolah-olah ia milik kita sendiri.

Selain itu, setiap individu boleh memainkan peranan dengan melaporkan sebarang kerosakan atau perlakuan vandalisme kepada pihak yang berkaitan dengan segera.

Aktiviti gotong-royong membersihkan taman dan tandas awam juga patut dijadikan amalan bulanan di setiap kawasan kejiranan.

Pada akhirnya, menghargai kemudahan awam yang disediakan adalah manifestasi cinta kepada tanah air dan masyarakat setempat.

Marilah kita sama-sama mengamalkan budaya bertanggungjawab supaya kemudahan ini kekal terpelihara untuk generasi kini dan akan datang.

WASPADA DENGAN PANGGILAN PALSU

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

ORANG ramai diingatkan agar tidak mudah mempercayai panggilan daripada nombor yang tidak dikenali, dan dinasihatkan supaya tidak berkongsi maklumat peribadi atau kewangan melalui telefon.

Panggilan tersebut biasanya dilakukan oleh individu yang menyamar sebagai pegawai bank, polis atau wakil syarikat tertentu untuk mendapatkan maklumat peribadi dan wang mangsa.

Menurut pihak berkuasa, panggilan palsu dilakukan atas beberapa tujuan, antaranya untuk mendapatkan wang, di mana si pemanggil akan cuba memperdaya mangsa supaya memindahkan wang ke akaun mereka.

Selain itu, mereka juga akan mencuba untuk mencuri dan mendapatkan maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, nombor akaun bank, kata laluan atau Kod OTP (One-Time Password) untuk disalahgunakan.

Di samping itu, mereka akan menakutkan mangsa dengan menyamar sebagai polis atau pegawai bank supaya mangsa panik dan menurut arahan

mereka.

Si pemanggil juga akan melakukan jenayah siber, di mana maklumat yang dicuri boleh digunakan untuk menggodam akaun media sosial atau akaun bank mangsa.

Di samping itu juga dengan mengambil kesempatan terhadap orang yang mudah percaya dengan menyasarkan kepada warga emas, remaja atau individu yang kurang peka tentang penipuan telefon.

Sekali lagi, orang ramai diingatkan agar tidak mudah mempercayai panggilan daripada nombor yang tidak dikenali dan dinasihatkan supaya tidak berkongsi maklumat peribadi atau kewangan melalui telefon.

Pihak berkuasa turut menggalakkan orang ramai untuk segera melaporkan sebarang panggilan mencurigakan kepada polis atau institusi berkaitan bagi mengelakkan lebih ramai menjadi mangsa penipuan.

Kesedaran masyarakat amat penting dalam membanteras jenayah siber dan penipuan telefon demi menjaga keselamatan serta kesejahteraan bersama.

Oleh itu, orang ramai perlu sentiasa berhati-hati, tidak mudah panik dan sentiasa menyemak kesahihan panggilan sebelum mengambil sebarang tindakan.

Siasatan mengenai penyebaran video berhubung kes rogol

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengambil maklum akan penyebaran sebuah video di platform media sosial yang mengemukakan dakwaan bahawa PPDB tidak mengambil tindakan ke atas laporan yang telah dibuat oleh seorang wanita warga asing berhubung kes rogol baru-baru ini.

Berhubung dakwaan tersebut, PPDB ingin memaklumkan bahawa siasatan terperinci telah dijalankan terhadap kes berkenaan dan hasil siasatan mendapati bahawa fakta dan bukti kes tersebut tidak mencukupi untuk menyokong tuduhan rogol serta lebih bersifat kepada pertikaian peribadi antara pihak-pihak yang terlibat.


Kes tersebut seterusnya telah dihadapkan kepada Pejabat Peguam Negara dan telah dipersetujui bahawa tiada tindakan lanjut akan diambil.

Sehubungan dengan penyebaran video tersebut, laporan polis telah dibuat dan siasatan sedang dijalankan oleh Balai Polis Bandar Seri Begawan di bawah pertuduhan berikut iaitu Seksyen 34, Akta Ketenteraman Awam (Penggagal 148) - berkaitan perbuatan yang boleh mengganggu ketenteraman awam dan Seksyen 4(1)(c), Akta Hasutan (Penggagal 24) - berkaitan penyebaran kandungan yang bersifat hasutan terhadap mana-mana pihak.

Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS) turut membantu dalam siasatan ini. PPDB ingin mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dalam menyebarkan sebarang maklumat atau kandungan di platform media sosial, terutamanya maklumat palsu yang boleh menjejaskan ketenteraman awam atau menimbulkan salah tanggapan terhadap mana-mana pihak.

Orang ramai yang ingin membuat sebarang laporan di minta menghubungi Talian Kecemasan Polis, 993 atau membuat laporan di balai polis yang berhampiran.

Bagi sebarang maklumat lanjut atau aduan, orang ramai boleh menghubungi PPDB melalui e-mel di info.rbpf@police.gov.bn atau Instagram rasmi PPDB di [@upa.ppdb](https://www.instagram.com/upa.ppdb).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Mei. - Orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa berwaspada terhadap sebarang panggilan palsu, terutamanya yang dibuat melalui aplikasi WhatsApp yang kononnya bagi tujuan rasmi pihak kerajaan atau institusi kewangan walaupun nombor yang digunakan adalah nombor tempatan.

TURKIYE BAWA PULANG 3 RAKYATNYA DARI KAPAL PERSIARAN DIKAITKAN KES HANTAVIRUS



ISTANBUL, 10 Mei. - Turkiye pada Ahad akan membawa pulang tiga rakyatnya dari sebuah kapal persiaran antarabangsa yang dikesan mempunyai kes Hantavirus, menurut pengumuman Kementerian Kesihatan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam satu kenyataan pada Sabtu menerusi platform media sosial Turkiye, NSosyal, kementerian itu memaklumkan keadaan kesihatan tiga rakyat Turkiye terbabit dipantau rapi.

"Proses pemantauan yang dijalankan dengan penyelarasan pihak berkuasa antarabangsa berkaitan menunjukkan rakyat kami tidak menunjukkan sebarang gejala atau tanda penyakit," menurut kenyataan itu.

Kementerian Kesihatan Turkiye menambah ketiga-tiga individu berkenaan akan dikuarantin sebaik tiba di negara berkenaan dan semua prosedur kesihatan akan dilaksanakan dengan teliti oleh kementerian itu.

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat mengklasifikasikan wabak Hantavirus itu sebagai tindak balas kecemasan Tahap 3, iaitu tahap pengaktifan kecemasan paling rendah.

Wabak yang melibatkan strain Hantavirus Andes itu setakat ini mengakibatkan lima kes disahkan, termasuk tiga kematian dalam kalangan penumpang yang mempunyai kaitan dengan pelayaran berkenaan, menurut

pegawai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Kapal MV Hondius yang membawa kira-kira 150 penumpang dan anak kapal daripada 23 negara berlepas dari

Argentina dan merentasi Lautan Atlantik sebelum melaporkan kluster penyakit pernafasan ketika belayar di perairan berhampiran Cape Verde di Afrika Barat. - ©BERNAMA

2 lagi maut disyaki diserang beruang di timur laut Jepun

TOKYO, 9 Mei. - Dua ditemui maut di timur laut Jepun disyaki diserang beruang awal minggu ini, lapor Kyodo News.

Kes itu, yang jika disahkan akibat serangan haiwan tersebut, akan menjadi kes kematian ketiga tahun ini.

Berserta dua kes yang disyaki serangan beruang di wilayah Iwate dan Yamagata selepas kes yang disahkan di Iwate bulan lepas, kes serangan beruang yang menyebabkan kematian berlaku pada kadar lebih pantas berbanding tahun lepas iaitu kematian pertama pada akhir Jun.

Risiko berdepan beruang yang keluar daripada hibernasi telah menyebabkan penduduk dan pemilih

perniagaan dalam kebimbangan terutamanya di timur laut yang menjadi lokasi kebanyakan kes tahun lepas.

Seorang wanita berusia 55 tahun yang ditemui maut di Shiwa, Iwate, pada 21 April disahkan terbunuh dalam serangan beruang yang menyebabkan kematian pertama di Jepun tahun ini, menurut data Kementerian Alam Sekitar.

Pada Khamis, mayat seorang wanita berusia 69 tahun di Hachimantai, Iwate, ditemui di kawasan hutan berhampiran rumahnya dengan kesan calar pada muka dan kepala, menurut polis.

Duahari sebelum itu, seorang lelaki berusia 78 tahun ditemui meninggal

dunia di kawasan hutan di Sakata, Yamagata, dengan kecederaan pada kepala dan lengan.

Pasukan pencari yang menemui mayat itu melihat seekor beruang keluar dari hutan, mendorong seorang pemburu membunuh haiwan berkenaan, menurut polis.

Kedua-dua mangsa keluar untuk mengumpul hasil hutan yang boleh dimakan.

Data kementerian menunjukkan 13 orang terbunuh dalam serangan beruang tahun lepas, dengan kes pertama disahkan pada Jun diikuti tiga lagi pada bulan berikutnya.

Daripada jumlah itu, 10 berlaku di wilayah Akita, Iwate dan Miyagi, kesemuanya di timur laut Jepun. - ©BERNAMA

Wabak norovirus dilaporkan di kapal persiaran Caribbean

WASHINGTON, 9 Mei. - Wabak norovirus dilaporkan merebak di atas sebuah kapal persiaran 'Princess Cruises' Caribbean Princess' semasa pelayaran transatlantik, menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) Amerika Syarikat, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Wabak itu, yang dilaporkan

pada 7 Mei kepada CDC, meliputi pelayaran kapal pada 28 April-11 Mei dari Pelabuhan Everglades.

Daripada 3,116 penumpang, sebanyak 102 (3.3 peratus) dilaporkan mengalami gejala, selain 13 daripada 1,131 anak kapal (1.2 peratus).

Gejala utama termasuk cirit-birit dan muntah.

"Kami dengan segera

menyahjangkit setiap kawasan kapal dan menambah sanitasi tambahan sepanjang pelayaran," menurut pihak kapal sambil menambah bahawa kapal itu akan menjalani pembersihan menyeluruh sebaik tiba di Pelabuhan Canaveral pada 11 Mei sebelum berlepas untuk pelayaran seterusnya. -

©BERNAMA

Pihak berkuasa New York larang ejen ICE pakai pelitup muka - laporan

WASHINGTON, 9 Mei. - Pihak berkuasa negeri New York meluluskan undang-undang yang melarang ejen Penguatkuasaan Imigresen dan Kastam Amerika Syarikat (ICE) memakai pelitup mukaserta melarang pegawai negeri dan tempatan bekerjasama secara rasmi atau tidak rasmi dengan agensi itu, menurut

laporan The New York Times, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Pada Khamis, Setiausaha Keselamatan Dalam Negeri Amerika Syarikat (AS) Markwayne Mullin berkata ejen ICE sedang menuju ke New York untuk menyasarkan penjenayah.

Langkah itu dilaporkan sebahagian daripada pakej yang

dimasukkan dalam perjanjian belanjawan negeri yang diumumkan pada Khamis.

Selain itu, ejen ICE juga tidak dibenarkan menempatkan tahanan di penjara tempatan atau menjalankan pemeriksaan di rumah penduduk negeri, hospital, gereja dan sekolah tanpa waran mahkamah, menurut laporan itu

Polis Makkah tahan 18 penduduk palsu permit residen, kad nusuk, gelang haji

MAKKAH, 9 Mei. - Polis Wilayah Makkah menahan 18 penduduk dengan kewarganegaraan Afghanistan dan Republik Islam Pakistan kerana memalsukan permit pemastautin, kad nusuk dan gelang haji, mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka dan merujuk mereka ke Pendakwaan Awam, lapor Agensi Akhbar Saudi (SPA).

Direktorat Am Keselamatan Awam menggesa semua rakyat dan penduduk mematuhi peraturan dan arahan haji serta melaporkan pelanggaran peraturan dengan menghubungi 911 di Makkah, Madinah, Riyadh dan wilayah Timur serta 999 untuk seluruh negara. - ©BERNAMA

16 terbunuh dalam kemalangan bas di tengah Nigeria

ABUJA, 9 Mei. - Sekurang-kurangnya 16 orang terbunuh awal Jumaat selepas sebuah bas komuter terbabas dari jambatan di negeri Kogi, utara-tengah Nigeria, kata polis tempatan, lapor Xinhua.

Lawan Fagge, komander Kor Keselamatan Jalan Raya Persekutuan di Kogi, memberitahu pemberita di Lokoja bahawa enam yang lain cedera dalam kemalangan di Kampung Aku di sepanjang lebuh raya Okene-Lokoja.

Siasatan awal menunjukkan bas yang memecut itu hilang kawalan sebelum terjunam dari jambatan ke jalan di bawahnya. Fagge mengaitkan nahas itu dengan faktor kelajuan dan keletihan pemandu, menyifatkan insiden itu sebagai sesuatu yang boleh dielakkan.

Kemalangan jalan raya yang membawa maut kerap dilaporkan di Nigeria, lazimnya berpunca daripada lebih muatan, keadaan jalan raya yang teruk dan pemanduan berbahaya. - ©BERNAMA

Situasi tebusan di bank Republik Persekutuan Jerman berakhir, kata polis

SINZIG, 9 Mei. - Situasi tebusan di sebuah bank di bandar Sinzig, barat Republik Persekutuan Jerman berakhir, menurut polis pada Jumaat, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Dua mangsa yang dipercayai dijadikan tebusan ditemukan selamat tanpa kecederaan, kata jurucakap polis sambil menjelaskan yang usaha memburu suspek masih diteruskan.

Pasukan khas polis melancarkan serbuan dan menemukan kedua-dua individu itu dikurung di dalam sebuah bilik.

Polis percaya suspek atau beberapa suspek melarikan diri melalui laluan yang masih belum dikenal pasti.

Siasatan awal menunjukkan beberapa suspek menahan tebusan di cawangan bank itu di Sinzig, negeri Rhineland-Palatinate.

Seorang daripada tebusan dilaporkan merupakan pemandu kenderaan pengangkut wang tunai.

Beberapa ratus anggota polis dikerahkan dan kawasan sekitar bank itu dikepung. - ©BERNAMA

pada Khamis.

Undang-undang serupa yang melarang ejen ICE menutup wajah semasa operasi diluluskan di California pada 2025, namun mahkamah persekutuan memutuskan ia bersifat diskriminasi kerana larangan itu hanya terpakai kepada kakitangan persekutuan, menurut The New York Times.

Ahli legislatif menjangkakan versi diperluaskan di New York yang turut melibatkan pegawai lain akan meningkatkan peluang undang-undang itu bertahan daripada cabaran perundangan.

ICE kebelakangan ini menjadi tumpuan di AS susulan beberapa skandal berkaitan tindakan ejennya semasa serbuan anti-imigran.

Parti Republikan menuduh pihak berkuasa tempatan dan agensi penguatkuasaan sengaja enggan bekerjasama dalam serbuan itu serta mencetuskan ketegangan dalam kalangan penduduk.

Susulan perkembangan itu, Pemangku Pengarah ICE Todd Lyons mengumumkan hasratnya untuk meletakkan jawatan pada akhir Mei. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



ALMEREZ FC JUARA LIGA FUTSAL U13 AR RAWDA



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat hadir selaku tetamu kehormat majlis, yang juga menyampaikan piala dan pingat kepada pemenang kejohanan.

BANDAR SERI BEGAWAN, menang bergaya setelah dengan jaringan 9 - 0 untuk Ahad, 10 Mei. - Almerz FC menewaskan Panchor Murai FC mengungguli kedudukan tangga

Siaran Akhbar dan Foto :
Urus Setia Kejohanan Liga Futsal Bawah 13 Tahun Ar Rawda

teratas liga sekali gus mengesahkan kejuaraan pada Kejohanan Liga Futsal Bawah 13 Tahun (U13) Ar Rawda bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas.

Sekalipun Dash Juniors berjaya mengecewakan BSRC FT dengan jaringan 4 - 0, pasukan berkenaan terpaksa akur sekadar bergelar selaku pasukan naib juara setelah dipisahkan dengan jumlah jaringan sekali gus mengumpul 9 mata bersama dengan Almerz FC.

Sementara itu, Al-Mujaahidun FA pula menduduki tempat ketiga selepas mengalahkan Ar Rawda FC dengan jaringan 5 -1 dan mengutip 10 mata.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat yang juga menyampaikan piala dan pingat

kepada pemenang kejohanan.

Yang Berhormat juga menyampaikan hadiah kepada dua pemain terbaik kejohanan yang disandang oleh Awang Md. Zainul Ashraff daripada Al-Mujaahidun FA dan Awang Md. Uwais Ashsafiee Mohd. Salimi daripada Ar Rawda FC. Sementara itu pemain daripada BSRC FT, iaitu Awang Muhd. Raffee Awwadi Mohd. Saiful Rizal yang mengumpul sembilan jaringan menerima Anugerah Kasut Emas.

Kejohanan Liga Futsal U13 berkenaan disasarkan bagi mencungkil bakat para pemain muda bagi membentuk pembangunan sukan futsal di negara ini di samping memberi peluang kepada pemain peringkat akar umbi untuk menimba pengalaman peringkat awal sekali gus untuk meningkatkan tahap keyakinan para pemain muda.

MPK Bukit Udal dan Penapar anjur Program Kayuhan Berbasikal



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelepasan peserta Program Kayuhan Berbasikal (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

TUTONG, Ahad, 10 Mei. - Program Kayuhan Berbasikal sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-42 bagi Daerah Tutong diadakan awal pagi tadi bertempat di Kawasan Lapang Sekolah Rendah Kampung Bukit Udal (SRKBU), di sini.

Program anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit Udal dan Penapar itu

bertujuan menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan masyarakat, di samping memperkukuhkan perpaduan serta mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk kampung.

Selain itu, program berkenaan juga bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah serta meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menjaga kesihatan fizikal secara berterusan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri yang turut menyempurnakan pelepasan peserta Kategori 42 Kilometer yang bermula dan berakhir di Kawasan Lapang SRKBU.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong; pegawai dan kakitangan kerajaan, Ahli MPK dan penduduk sekitarnya.

Manakala pelepasan peserta Kategori 13 Kilometer yang juga bermula dan berakhir di Kawasan Lapang SRKBU itu disempurnakan oleh Penghulu Mukim Tanjung Maya, Tutong.

Program berkenaan diharap akan terus menjadi platform tahunan dalam menggalakkan penyertaan aktif masyarakat dalam aktiviti sihat dan kemasyarakatan, selaras dengan usaha membentuk komuniti yang cergas, bersatu padu dan berdaya tahan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PASTIKAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN SENTIASA ERAT